

Buku Kerja Aktiviti Murid bagi



Buku Panduan Guru untuk Peringkat 1 - 4



Berdasarkan Siri Penjelajah Visual Alkitab

Kejadian - Pada Mulanya



Penerbitan Buku Kristian

SAMPLE



Buku Panduan Guru untuk Peringkat 1-4

**Berdasarkan
Siri Penjelajah Visual Alkitab
Kejadian - Pada Mulanya**

Jilid 1: Dari Penciptaan sehingga Abraham

Jilid 2: Ishak, Yakub dan Yusuf

Hak cipta



Diterbitkan buat kali yang pertama di Malaysia pada 2024 oleh
Pristine World Sdn Bhd

Hak Cipta © 2024 Pristine World Sdn. Bhd, Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan
mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan
cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman,
imbasan, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada
pemegang hak cipta.

Ayat-ayat Alkitab dipetik daripada **ALKITAB VERSI BORNEO**.
Hak cipta © 2016 oleh Borneo Sabda Limited. Digunakan dengan
kebenaran daripada Borneo Sabda Limited.

Hak cipta terpelihara.

Nota Editor:

Buku kerja pelajar dalam siri ini disusun dan dilabel sebagai Peringkat 1, 2, 3, dan 4. Peringkat-peringkat ini secara umumnya adalah seperti berikut:

- Peringkat 1 untuk umur 5-6,
- Peringkat 2 untuk umur 7-8,
- Peringkat 3 untuk umur 9-10,
- Peringkat 4 untuk umur 11-12.

Kami memilih istilah “Peringkat” untuk memberikan kelonggaran kepada para pendidik untuk menilai dan menentukan setiap pelajar mengikut tahap literasi individu mereka. Para pendidik digalakkan untuk menetapkan buku kerja yang paling sesuai untuk setiap pelajar berdasarkan kepada penilaian mereka.

Isi Kandungan

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 1	Cerita Penciptaan	5
Pelajaran 2	Taman Eden	7
Pelajaran 3	Adam dan Hawa	9
Pelajaran 4	Kain dan Habel	11
Pelajaran 5	Nuh Membina Bahtera	13
Pelajaran 6	Banjir Besar	15
Pelajaran 7	Menara Babel	17
Pelajaran 8	Abram dan Panggilan Tuhan	19
Pelajaran 9	Abram dan Lut	21
Pelajaran 10	Janji seorang Anak Lelaki	23
Pelajaran 11	Abraham dan Perjanjian Tuhan	25
Pelajaran 12	Abraham merayu bagi pihak Sodom	27
Pelajaran 13	Apa yang berlaku di Sodom dan Gomora	29
Pelajaran 14	Ujian bagi Abraham	31

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 15	Ishak dan Ribka	33
Pelajaran 16	Yakub dan Esau - Cerita Hak Anak Sulung	35
Pelajaran 17	Perjalanan Yakub	37
Pelajaran 18	Yakub dan Anak-anak Perempuan Laban	39
Pelajaran 19	Yakub kembali ke Kanaan	41
Pelajaran 20	Yusuf dan Abang-abangnya	43
Pelajaran 21	Yusuf dan Potifar	45
Pelajaran 22	Orang Tahanan dan Erti Mimpi	47
Pelajaran 23	Si Tukang Mimpi dan Raja	49
Pelajaran 24	Orang Tahanan menjadi Perdana Menteri	51
Pelajaran 25	Masalah Yakub	53
Pelajaran 26	Pertemuan dan Perdamaian Keluarga	55
Pelajaran 27	Penghujung Kejadian - Puak Menjadi Bangsa	57

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 1: Cerita Penciptaan

(Kejadian Jil. 1 bab 1)

Tema/ Gambar Keseluruhan Cerita:

Tuhan menciptakan alam semesta dan bumi. Dia menciptakan semua hidupan di bumi. Dia hanya perlu berbicara dan dunia diciptakan. Manusia telah diciptakan dengan gambaran Tuhan. Tuhan melihat semua yang diciptakan-Nya dan semuanya baik. Tuhan berehat daripada penciptaan pada hari yang ketujuh.

Petikan Alkitab

Kejadian 1:1 - 2:3.

Pembacaan Umum

Pembacaan umum yang dicadangkan - Kejadian 1:1 - 5 dan 24 - 31.

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 1: Cerita Penciptaan.

Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Supaya kanak-kanak akan mempelajari untuk memuji dan bersyukur kepada Tuhan untuk semua yang kita lihat dalam dunia ini. Tuhan telah menciptakan dunia ini dengan sempurna. Walaupun kebanyakannya dimusnahkan oleh manusia, namun kita seharusnya masih memberikan ucapan syukur kepada Tuhan bagi sebuah dunia yang masih mengandungi hidupan sehingga hari ini.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 1 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 1.

Ayat Hafalan

“Pada mulanya Allah menciptakan langit dan bumi.”

Kej. 1:1

Pelajaran-pelajaran daripada Cerita

1. Ada satu Tuhan yang telah menciptakan Alam Semesta.
2. Ketika Alam Semesta diciptakan, ia dinilai oleh Tuhan sebagai baik. Alkitab menggunakan perkataan ini untuk menunjukkan kepuasan hati dan kegembiraan Tuhan bagi dunia yang telah diciptakan-Nya. Ia sempurna.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

1. Hanya Tuhan yang Mencipta yang layak untuk penyembahan kita.
2. Tuhan itu sempurna dan benar. Dia menciptakan Dunia dengan sempurna. Marilah kita sentiasa mengingati kebenaran-Nya.

Respon dan Doa

Bawa kanak-kanak untuk memuji Tuhan dan bersyukur kepada-Nya kerana menciptakan setiap daripada mereka.

Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)

Ketahui: 1. Betul 2. Betul 3. Salah 4. Salah

Aplikasi: Kasih Tuhan, Berterima kasih kepada-Nya, Bersyukurlah

Peringkat 2 (umur 7-8)

Terokai: Pilih perkataan yang terbaik:

1. manusia 2. baik 3. burung-burung

Ketahui: Susun dan padankan:

1. berehat ----- hari ketujuh

2. air ----- hari kedua

3. burung-burung ----- hari kelima

Peringkat 3 (umur 9-10)

Mencipta itu menarik!:

- | | |
|--------------|----------------------------------|
| 1. Kekayaan | kaya, anak, kek, akan, enak |
| 2. Kehidupan | hidup, ikan, nekad, kudap, kedip |
| 3. Perhatian | hati, pena, penat, pen, erat |
| 4. Waktu | tua, kau, tak, wau, kuat |

Mencari perkataan:

1. Langit, 2. Bumi, 3. Tidak berbentuk, 4. Berkembang, 5. Rupa, 6. Ciptaan, 7. Nafas, 8. Mencipta, 9. Bertambah, 10. Takluki

M	F	X	N	D	H	T	D	L	A	N	G	I	T
E	B	N	A	F	A	S	R	N	L	P	C	I	V
N	R	C	A	F	B	I	B	T	A	O	D	A	B
C	F	H	T	T	M	U	E	D	N	A	T	Y	O
I	H	G	P	S	A	F	R	T	K	U	K	T	F
P	E	S	I	U	T	V	K	B	Y	C	V	D	L
T	A	W	C	I	R	N	E	L	P	M	N	T	B
A	G	R	R	P	E	R	M	S	R	L	P	W	E
J	K	D	Y	I	B	G	B	U	M	I	H	D	R
C	O	T	R	E	A	T	A	K	L	U	K	I	I
E	P	R	N	G	Y	H	N	O	K	O	S	R	O
B	L	T	R	D	W	D	G	I	I	P	R	F	T
R	U	P	A	S	B	P	W	G	U	Y	E	H	B
K	Q	R	W	A	I	U	A	S	A	T	T	L	H

Aplikasi: mentaati ibubapa saya

Peringkat 4 (umur 11-12)

- Kuiz Pantas: 1.a
2.a (dosa wujud selepas Kejatuhan)
3. (jawapan kanak-kanak sendiri)

Senarai Pantas:

- Hari 1: cahaya, siang dan malam
Hari 2: langit
Hari 3: lautan dan daratan, tumbuh-tumbuhan dan pokok buah-buahan
Hari 4: matahari, bulan, bintang-bintang
Hari 5: hidupan laut, burung-burung
Hari 6: haiwan daratan, manusia

Betapa berkuasanya Dia!

Perkataan-perkataan yang salah:
gunung - digantikan dengan 'air'
laut - digantikan dengan 'daratan kering'
wang - digantikan dengan 'tumbuh-tumbuhan'
dahan - digantikan dengan 'biji atau buah'
musim sejuk - digantikan dengan 'malam'
kehangatan - digantikan dengan 'cahaya'
kecil - digantikan dengan 'besar'

Jawapan untuk Kuiz Multimedia

1. B Hari 3 4. D Hari 6 7. Betul
2. C Hari 5 5. E Hari 7 8. Salah
3. D Hari 6 6. Salah 9. Betul
10. Betul

Jawapan untuk Soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Mengapakah frasa "Allah melihat bahawa semua itu baik" sering diulang?

Nota: Seluruh dunia diciptakan oleh Tuhan Pencipta dan ia diciptakan dengan sempurna. Kita tidak perlu berasa takut akan cahaya atau kegelapan, makhluk laut, makhluk yang merayap, makhluk di darat atau burung-burung. Kesemuanya itu adalah diciptakan oleh Tuhan Pencipta. Manusia pada zaman itu dan di tempat itu mempunyai banyak perkara tahayul dan ketakutan. Mereka takut akan pelbagai tuhan (biasanya yang daripada alam sekitar seperti Matahari, Bulan, Kesuburan, pelbagai haiwan, Sungai Nil dan banyak lagi). Rekod Kejadian mengajar anak-anak Israel dan mengajar kita pada hari ini, bahawa semua benda ini diciptakan oleh Tuhan. Tuhan Penciptalah dan hanya Tuhan Pencipta sahaja yang layak kita sembah.

2. Apakah makna frasa "Maka Allah menciptakan manusia menurut gambaran-Nya"?

Nota: Rujuk Kuiz - Soalan No.2 dalam bahagian Soalan Betul / Salah di atas.

Kita pastinya tidak setanding dengan Tuhan. Bahkan kita jauh lebih rendah daripada Tuhan. Tetapi Tuhan memberikan kita beberapa kualiti atau ciri-ciri yang sama dengan-Nya.

Kamu boleh bertanya kepada kanak-kanak - apa yang mereka fikirkan tentang beberapa ciri-ciri yang mungkin kita kongsi dengan Tuhan. Sudah tentu ianya bukan dari segi alam fizikal - kita tidak mampu mencipta bumi atau langit. Kita tidak mampu membelah Laut Merah, Sungai Yordan, bahkan air di dalam tub mandi kita. Tetapi kita mampu mengasih, berasa marah, dan merasakan kesedihan.

3. Apakah beberapa sifat Tuhan yang kita boleh pelajari daripada cerita ini?

Nota: Apabila kita berkongsi tentang Tuhan dengan orang lain, ianya sangat sukar untuk menjelaskan tentang Tuhan ini kepada orang lain jika kita tidak mengetahui bagaimana Dia berhubungan dengan manusia pada masa lalu. Sudah tentu kita boleh berkongsi tentang pengalaman kita sendiri bersama Yesus, tetapi Alkitab dan rekod Kejadian memberikan kita penjelasan yang kaya dengan sifat dan sikap Tuhan.

Setiap ayat dalam Alkitab dapat mengajarkan kita sesuatu tentang Tuhan, atau apa yang dikehendaki-Nya untuk kita lakukan.

Selepas menjelaskan yang di atas kepada kanak-kanak, kamu boleh bertanya kepada mereka apa yang mereka dapat pelajari tentang Tuhan dalam bab ini. Apakah yang diberitahukan oleh cerita penciptaan ini kepada kita tentang sifat Tuhan.

Beberapa isi mungkin adalah:

- Dia sangat berkuasa. Dia menciptakan segala yang kita lihat di sekeliling kita.
- Dia menciptakan suatu aturan. Alam semesta diciptakan dan dibawa ke dalam suatu aturan oleh Tuhan. Dia mencipta manusia, lelaki dan perempuan, untuk menakluk dan memerintah ciptaan yang lain.
- Keindahan dan kesempurnaan ciptaan Tuhan memberitahu kita tentang sifat Tuhan sendiri.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 2: Taman Eden

(Kejadian Jil. 1 bab 2)

Tema/Gambaran Keseluruhan Cerita:

Tuhan mencipta sebuah Taman untuk Adam. Adam ditugaskan untuk menjaga semua ciptaan. Tuhan membawa ciptaan-ciptaan itu di hadapan Adam dan apa sahaja nama yang diberikannya akan digunakan untuk menyebutkan ciptaan itu. Tetapi Adam tidak ada seorang teman untuk dirina sendiri. Oleh itu Tuhan menciptakan seorang perempuan sebagai seorang peneman untuk Adam. Dia menamakannya Hawa. Tuhan membuat perjanjian dengan mereka. Mereka boleh tinggal dalam Taman syurga itu selagi mereka taat kepada-Nya. Mereka tidak dibenarkan untuk makan daripada satu buah iaitu buah daripada pokok pengetahuan tentang yang baik dan jahat.

Petikan Alkitab

Kejadian 2:4 - 25.

Pembacaan Umum

Pembacaan umum yang dicadangkan - Kejadian 2:15 - 25.

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 2 - Taman Eden.

Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Bantu kanak-kanak untuk memahami bahawa kita telah diciptakan dalam gambaran Tuhan. Kita telah diberikan tanggungjawab untuk menjaga ciptaan Tuhan dan untuk taat kepada Pencipta kita.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 2 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 2.

Ayat Hafalan

Apabila aku melihat langit-Mu, hasil kerja jari-Mu, bulan dan bintang, yang Kautentukan, Apakah manusia maka Engkau mengingatnya, dan anak manusia maka Engkau mengendahnya?
Mazmur 8:3-4.

Pelajaran daripada Cerita

1. Manusia diciptakan dengan kebolehan dan tanggungjawab yang istimewa. Manusia dikurniakan dengan nafas Tuhan dan diciptakan dalam gambaran Tuhan, oleh itu mereka perlu menjaga ciptaan Tuhan.
2. Cerita ini mengkhabarkan tentang kasih Tuhan bagi manusia. Tuhan berkomunikasi dengan manusia dan mengadakan perjanjian yang pertama dengan manusia. Adam dan Hawa boleh tinggal di Taman syurga selagi mereka taat kepada-Nya.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

1. Kita perlu menjaga dunia. Tuhan telah memberikan kita tanggungjawab untuk menjaga dunia-Nya.
2. Tuhan gemar bersekutu dengan kita. Kita perlu tetap akrab dengan-Nya. Tetapi kita juga perlu mentaati firman-Nya untuk kita.

Respon dan Doa

- Berdoa untuk pertolongan Tuhan untuk mentaati perintah-Nya.
- Senaraikan beberapa perkara yang kanak-kanak boleh lakukan untuk menolong menjaga dunia ini.

Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)

Kenali: 1. Manusia 2. Nafas 3. Binating

Kasihi Ciptaan Tuhan: Kanak-kanak perlu mewarna hanya gambar yang pertama sahaja (menyiram tumbuhan)

Peringkat 2 (umur 7-8)

Jom cari!

C	K	Y	C	Q	F	O	P	R	D	M	D	E	D
P	E	R	S	E	K	U	T	U	A	N	F	R	R
A	T	Z	R	S	E	L	T	C	A	B	R	T	G
T	A	N	G	G	U	N	G	J	A	W	A	B	H
V	A	C	E	E	S	M	U	A	D	R	X	S	R
R	T	R	P	E	N	G	E	T	A	H	U	A	N
C	A	E	T	D	F	T	R	E	B	Y	V	R	B
T	N	S	O	P	V	Y	E	S	N	U	R	E	S

Peringkat 3 (umur 9-10)

Aneka pilihan: 1.B 2.D 3.C 4.C 5.C

Susun semula setiap perkataan:

pengetahuan taman
lubang hidung perempuan ciptaan

Peringkat 4 (umur 11-12)

Apakah pendapat kamu?:

1.Tidak 2.Tidak 3.Ya

4.jawapan yang boleh diterima - kerana Tuhan menjadikan kita dalam gambaran-Nya dan memberikan kita kuasa untuk memerintah dan menjaga ciptaan-Nya; Tuhan inginkan kita menjaga ciptaan sebagai berkat-Nya kepada kita (Kej 1:28)

Tahukah kamu?: Berbahaya bagi diri kita: Merokok, bersikap tamak, mencuri, menyimpan dendam, iri hati dan cemburu
Berbahaya bagi bumi, haiwan, tumbuhan: Sisa toksik, membuang sampah, membahayakan haiwan, menggunakan beg plastik, menggunakan styrofoam

Tugas diraja: Taman Eden; mengerjakan; memelihara

Jawapan untuk Kuiz Multimedia

- Salah Taman itu diwujudkan di sebelah timur, dalam Eden.
- Betul Rujuk Kejadian 2:10.
- Salah Manusia dicipta untuk menjaga taman itu. Rujuk Kejadian 2:15.
- Salah Tuhan membawa haiwan-haiwan kepada Manusia itu untuk diberikan nama. Rujuk Kejadian 2:19-20.
- Salah Dia dilarang daripada makan buah daripada salah satu pokok di tengah taman iaitu pokok pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat. Rujuk Kejadian 2:17.

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan

Perbincangan dalam Multimedia

- Mengapa Adam memanggil isterinya "perempuan"?
Nota: Rujuk Kejadian 2:23 Adam memanggilnya "perempuan" kerana dia diambil daripada lelaki.
- Apakah bayangan kamu tentang kehidupan Adam dan Hawa di Taman Eden?
Nota: Kita boleh meminta kanak-kanak untuk membayangkan bagaimana Adam dan Hawa menghabiskan masa mereka di Taman

Eden, tetapi perlu mencuba untuk mengelakkan cadangan yang terlalu bersifat spekulasi. Cuba untuk sentiasa berpandukan kepada apa yang dikatakan oleh Alkitab kepada kita.

Alkitab memberikan kita beberapa pembayang:

- Taman itu ialah sebuah tempat yang sempurna di mana tidak terdapat kesedihan, kesakitan, kesusahan atau kematian. Kita mengetahui kesannya, kerana selepas manusia berdosa, lelaki dan perempuan dihukum dengan kesusahan dan kematian.
- Mereka perlu bekerja, menjaga ciptaan Tuhan dan menjaga taman itu. Rujuk nota di bawah.
- Haiwan-haiwan bukanlah ancaman bagi manusia atau sesama mereka. Kej 1:29-30 memberitahu kita bahawa Tuhan memberikan manusia tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan untuk dimakan, dan kepada semua haiwan diberikan-Nya tumbuhan untuk dimakan.
- Mereka mempunyai persekutuan yang erat dengan Tuhan. Perkara ini dinyatakan secara tidak langsung daripada Kej 3:8, di mana Tuhan datang bersekutu bersama Adam dan Hawa.

3. Apakah yang diajarkan oleh cerita Taman Eden tentang tanggungjawab kita terhadap ciptaan Tuhan, alam semula jadi dan alam sekitar?

Nota: Kita dipanggil untuk:

- Kej 1:28 "... Beranakcuculah dan bertambah banyak serta penuhilah dan takluki bumi, berkewenangan atas ikan-ikan di laut dan burung-burung di udara dan atas segala makhluk hidup yang berkeliaran dan yang bergerak di muka bumi."
- Kej 2:15. Tuhan menempatkan manusia itu di Taman "... untuk mengerjakan serta memelihara taman itu." Manusia itu boleh makan daripada mana-mana pokok di taman itu kecuali daripada pokok pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat. Dalam erti kata lain, manusia itu boleh makan dan menikmati buah-buahan daripada hasil pekerjaan-Nya.
- Secara tidak langsung, manusia diperintahkan untuk menjaga alam sekitar dan persekitarannya. Manusia telah diberikan kebolehan untuk mengetuai dan menakluki bumi. Tetapi kita tidak boleh memusnahkan bumi.
- Kamu boleh meminta kanak-kanak untuk menyatakan cara-cara bagaimana manusia boleh memelihara atau memusnahkannya.

4. Bagaimanakah sikap orang Kristian yang sepatutnya terhadap pekerjaan?

Nota:

- Sebelum Adam dan Hawa berdosa, mereka telahpun bekerja. Bekerja itu baik. Perkara ini ditekankan semula dalam Perjanjian Baru contohnya dalam 2 Tesalonika 3:10 "... Sesiapa yang tidak mahu bekerja, tidak boleh makan."
- Pekerjaan harus dilakukan menurut panduan yang Tuhan telah berikan kepada kita. Berikut adalah beberapa perkara yang kamu boleh tanyakan kepada kanak-kanak:
 - Bekerja dengan jujur (tekanan dalam Hukum Sepuluh atau rujukan lain dalam Alkitab)
 - Bekerja dengan ketaatan kepada Tuhan - Adam ialah seorang pekerja yang baik dan taat, sebelum dia berdosa.
 - Berilah kemuliaan bagi Tuhan dan hormati satu hari di mana kita berehat dan menyembah Tuhan.

Pelajaran 3: Adam dan Hawa

(Kejadian Jil. 1 bab 3)

Tema/Gambaran Keseluruhan Cerita:

Iblis dalam bentuk ular datang untuk menggoda Adam dan Hawa.

Hawa dan kemudiannya Adam tidak mentaati Tuhan dan makan buah daripada pokok pengetahuan tentang yang baik dan jahat. Dengan tidak mentaati Tuhan, mereka telah kehilangan hak untuk tinggal di syurga Taman Eden.

Petikan Alkitab

Kejadian 3:1-24.

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum - Kejadian 3:1-19.

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 3 - Adam dan Hawa.

Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Bantu kanak-kanak untuk memahami bahawa sama seperti Adam dan Hawa di Taman Eden, Tuhan gemar untuk mempunyai persekutuan dengan kita. Tetapi apabila kita tidak mentaatinya, dosa kita muncul di antara Tuhan dengan kita. Kita perlu meminta pengampunan daripada-Nya melalui Yesus Kristus Tuhan kita, sebelum kita boleh mempunyai persekutuan dengan-Nya lagi.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 3 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 3.

Ayat Hafalan

Kerana ganjaran dosa ialah kematian tetapi kurnia Allah ialah kehidupan kekal dalam Kristus Yesus, Tuhan kita.

Roma 6:23

Pelajaran daripada Cerita

1. Tuhan dijelaskan dalam Alkitab sebagai suatu yang bersifat rohani dan peribadi. Biarpun Dia sangat berkuasa, Dia mempunyai persekutuan bersama manusia pada peringkat peribadi.
2. Tuhan telah memberikan manusia kebebasan dalam memilih. Ketaatan kepada Tuhan membawa kepada kehidupan. Ketidaktaatan membawa kepada penghakiman dan perpisahan dengan Tuhan.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

1. Tanyakan kepada kanak-kanak bagaimana kita boleh memiliki persekutuan dengan Tuhan. Jawapan mereka seharusnya merangkumi berdoa, membaca firman Tuhan dan mentaati-Nya.
2. Tanyakan kepada kanak-kanak apakah perkara lain yang Tuhan halang untuk kita lakukan? Bagaimanakah kita memastikan bahawa kita mentaati Tuhan?

Respon dan Doa


- Ajar kanak-kanak bahawa mereka sentiasa boleh mengakui dosa mereka kepada Tuhan dan meminta pengampunan. Mereka boleh memiliki persekutuan dengan Tuhan dalam nama Yesus.
- Minta mereka untuk senaraikan beberapa perkara yang Tuhan mungkin inginkan mereka lakukan untuk memiliki persekutuan dengan-Nya.

Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)

Kenali: 1. Pokok 2. Buah 3. Ular

Mencari jalan:



Peringkat 2 (umur 7-8)

Aktiviti 1: - nombor dalam kotak: 5, 1, 4, 8, 6, 3, 7, 2

Aktiviti 2: Kamu pasti tidak akan mati
Aku akan meletakkan sumpah terhadap kamu.
Ular itu menipuku dan aku makan.

Peringkat 3 (umur 9-10)

Pendapat daripada cerita (teka silang kata):

1. memuji, 2. membaca, 3. berdoa, 4. menyembah, 5. berkongsi

										⁵ B
^{2,4} M	E	N	Y	E	M	B	A	H		
E									R	
M									K	
³ B	E	R	D	O	A					
A									N	
C									G	
A									S	
¹ M	E	M	U	J	I					

Peringkat 4 (umur 11-12)

Cari dan Temui:

Melahirkan, Telanjang, Kebijaksanaan, Jahat, Hawa, Baik, Diperdaya, Pedang, Terkutuk, Ular, Susah-payah, Pokok

J	A	H	A	T	O	P	L	K	J	G	G	F	D	S
D	F	V	U	M	I	X	Z	A	R	T	N	N	S	T
R	F	T	D	I	P	E	R	D	A	Y	A	S	T	E
I	Y	U	S	B	U	T	I	D	F	A	D	P	E	R
S	N	K	A	T	S	W	T	P	N	F	E	O	R	T
H	A	W	A	E	T	U	L	A	R	R	P	U	K	G
R	K	K	T	L	A	I	S	B	A	S	C	I	U	V
T	R	I	R	A	R	K	W	A	I	A	T	N	T	B
I	I	O	E	N	A	I	T	M	H	E	U	R	U	S
E	H	P	W	J	R	T	E	I	P	P	Y	B	K	C
T	A	T	I	A	E	U	D	A	R	T	A	D	I	U
R	L	B	Y	N	R	U	I	S	E	I	G	Y	O	I
C	E	G	T	G	P	O	K	O	K	I	S	P	A	W
K	M	S	O	P	I	J	F	G	S	P	U	D	I	H

Salah siapa?

Nota untuk guru: Tekankan tanggungjawab yang sama di antara Adam dan Hawa. Apa yang penting, umat manusia memegang tanggungjawab yang terbesar kerana mereka memiliki kebebasan untuk memilih.

Mengenal pasti suara: 1. Iblis 2. Tuhan 3. Iblis 4. Iblis 5. Tuhan

Jawapan untuk Kuiz Multimedia

- Salah Adam dan Hawa pada mulanya menjahit daun pokok ara untuk menutup aurat mereka. Kemudian Tuhanlah yang membuat pakaian daripada kulit binatang untuk menutup aurat mereka. (Kej 3:21).
- Salah Ini adalah baris pertama daripada Ular untuk menguji Hawa (Kej 2:16).
- Salah Ini adalah sebahagian daripada perjanjian yang pertama di antara Tuhan dan Adam & Hawa. Mereka seharusnya taat kepada perintah ini. (Kej 2:17).
- Salah Tuhan tidak berkata mereka tidak boleh menyentuh buah itu. Hawa kelihatannya seperti menokok-tambah akan hal ini. (Kej 2:17).
- A Rujuk Kejadian 3:7.
- B Rujuk Kejadian 3:27.

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan Perbincangan dalam Multimedia

- Apakah kesan dosa atas Adam dan Hawa dan ciptaan yang lain?
Nota: Tanyakan kepada kanak-kanak pada pendapat mereka bagaimanakah dosa telah mempengaruhi dunia yang kita ketahui pada hari ini. Rujuk Kej 3:17-19
Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:
 - Sebelum dosa masuk ke dunia, tidak ada penyakit
 - Penderitaan di dunia
 - Bencana alam
- Mengapakah Adam dan Hawa diusir dari Taman Eden?
Nota: Rujuk Kejadian 3:22-24
- Mengapakah Tuhan membuat pakaian daripada kulit binatang untuk mereka?
Nota: Rujuk Kej 3:21
 - Kasih Tuhan - Dia bukan sahaja membuatkan pakaian daripada kulit binatang, tetapi Dia juga memakainya kepada mereka.
- Bagaimanakah sikap kita yang sepatutnya terhadap hal-hal yang jelas dilarang oleh Tuhan?
Nota:
Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:
 - Ketika Yusuf digoda oleh isteri Potifar, dia menjelaskan situasinya sebagai hampir sama dengan situasi Adam dan Hawa. Rujuk Kej 39:8-13. Responnya adalah untuk melarikan diri.
 - Yesus digoda oleh iblis tiga kali sewaktu Dia berada di padang pasir ketika Dia berpuasa dan berdoa. Rujuk Matius 4:1-11. Dia menegur iblis dengan Ayat Alkitab dan akhirnya menghalaunya.
 - Tanyakan kanak-kanak tentang situasi-situasi yang pernah dialami oleh mereka di mana mereka berasa mereka digoda dan bagaimana mereka menangani situasi itu.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 4: Kain dan Habel

(Kejadian Jil. 1 bab 4)

Tema/Gambaran Keseluruhan Cerita:

Adam dan Hawa mempunyai dua orang anak bernama Kain dan Habel. Kain dan Habel memberikan persembahan kepada Tuhan. Tuhan menyenangi persembahan daripada Habel tetapi tidak terhadap persembahan daripada Kain. Tuhan memberitahu Kain alasan-Nya untuk tidak menerima persembahannya dan memberikannya peluang untuk bertaubat. Sebaliknya, Kain menjadi sangat cemburu dan membunuh adiknya Habel. Tuhan melihat kesalahan itu dan menghukum Kain kerana hal itu.

Petikan Alkitab

Kejadian 4:1 - 26.

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum - Kejadian 4:1 - 16.

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 4 - Kain dan Habel.

Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Tuhan memberikan Kain satu peluang untuk bertaubat supaya persembahannya dapat diterima. Kain tidak taat kepada Tuhan. Kemudian dia membunuh Habel ketika dia memikirkan dia sedang bersendirian dan tidak ada yang memerhati. Bantu kanak-kanak untuk mengetahui bahawa Tuhan mengetahui segalanya dan tidak ada yang terlepas daripada mata-Nya.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 4 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 4.

Ayat Hafalan

Dan berbelas kasihlah satu sama lain, bersikap baik, saling memaafkan, sebagaimana Allah telah mengampunimu dalam Kristus.

Efesus 4:32

Pelajaran daripada Cerita

1. Kain telah diberikan amaran untuk mengikuti Tuhan dengan taat. Tetapi dia menolak untuk mendengarkan Tuhan dan ini membawanya untuk melakukan dosa yang sangat dahsyat iaitu membunuh.
2. Tuhan ialah hakim yang melihat segalanya. Dia memastikan kita bertanggungjawab bagi semua tindakan kita. Kain berfikir bahawa tidak ada yang melihat kesalahannya tetapi Tuhan melihatnya dan menghukum Kain.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

1. Tuhan terus memberikan manusia satu peluang untuk bertaubat. Tetapi apabila mereka tidak mengambil peluang itu ia akan membawa kepada bencana.
2. Kita seharusnya tidak berfikir bahawa kita boleh menyembunyikan dosa-dosa kita daripada Tuhan. Tuhan melihat semua tindakan kita dan juga mengetahui apa yang kita fikirkan. Biarlah kiranya kita sentiasa jujur terhadap Tuhan dan meminta pertolongan daripada-Nya ketika kita digoda.

Respon dan Doa

- Ajarkan kanak-kanak untuk sentiasa mengakui dosa mereka sebaik sahaja mereka menyedarinya dan minta pengampunan daripada Tuhan dan kemudian mintalah Tuhan untuk menunjukkan mereka apa yang mereka dapat lakukan untuk menyenangkan-Nya.

Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)

Ketahui:

1. Habel
2. Kain

Peringkat 2 (umur 7-8)

- Aktiviti 1:
1. abang
 2. gembala
 3. sulung
 4. berkenan

Peringkat 3 (umur 9-10)

Bulatkan jawapan yang betul:

1. cemburu akan
2. penjaga
3. membunuh
4. persembahan
5. tanda
6. Set
7. petani

Peringkat 4 (umur 11-12)

Apa yang berlaku?:

- Hasil daripada tanah, tanam-tanaman yang ditanamnya
- anak pertama daripada ternakannya
- Habel
- membunuhnya
- kemarahan, kecemburuan, tidak bertanggungjawab

Jawapan untuk Kuiz Multimedia

1. E Rujuk Kejadian 4:25
2. B Rujuk Kejadian 4:26
3. D Rujuk Kejadian 5:3
4. A Rujuk Kejadian 4:1
5. B Rujuk Kejadian 4:2
6. A Rujuk Kejadian 4:2
7. A Rujuk Kejadian 4:16
8. D Rujuk Kejadian 4:15
9. B Rujuk Kejadian 4:20
10. C Rujuk Kejadian 4:21
11. A Rujuk Kejadian 4:17

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan

Perbincangan dalam Multimedia

1. Mengapakah persembahan Habel diterima oleh Tuhan tetapi persembahan Kain tidak diterima?

Nota: Beberapa pembayang diberikan di dalam Alkitab:

- Kej 4:3-4 "Kain membawa sebahagian daripada hasil bertani sebagai persembahan kepada TUHAN. 4AHabel pun mempersembahkan beberapa ekor anak sulung daripada haiwan ternakannya, malah memilih antara yang paling mondot daripadanya ..." Habel dengan teliti memilih yang terbaik daripada apa yang dimilikinya untuk dipersembahkan, sementara Kain tidak melakukan pemilihan yang teliti.

- Kej 4:7 "Bukankah benar jika kamu berbuat baik, kamu akan berkeadaan bagus? Tetapi jika kamu tidak berbuat baik, dosa memang mengintai peluang, menanti ketika untuk berleluasa, namun kamu perlu menguasainya." Persembahan Kain tidak diterima kerana dosa atau sesuatu yang tidak dilakukannya dengan betul. Tuhan memberikannya peluang untuk melakukan apa yang benar, oleh itu persembahannya juga akan diterima.

2. Mengapakah Kain berkata "Hukuman itu terlalu berat, aku tidak dapat menanggungnya." Apakah perbezaan hukumannya dan hukuman Adam?

Nota: Perkara-perkara untuk dipertimbangkan

- Kepada Adam Tuhan berkata "Terkutuklah tanah kerana engkau." Rujuk Kejadian 3:17. Ia adalah kutukan yang secara tidak langsung. Kepada Kain Tuhan berkata "Sekarang, terkutuklah kamu ..." Rujuk Kejadian 4:11. Kutukan itu ditujukan terus kepadanya.
- Kain ialah seorang petani tetapi tanah akan dihalang daripada mengeluarkan hasil untuknya (Kej 4:12a).
- Kain akan menjadi seorang pengembara dan pelarian (Kej 4:12b, 14).
- Kain akan bersembunyi daripada hadirat Tuhan (Kej 4:14).

3. Apakah yang sepatutnya dibuat oleh Kain selepas Tuhan memberi dia amaran?

Nota: Rujuk Kejadian 4:6. Dia seharusnya bertaubat.

4. Apakah yang boleh kita pelajari daripada cerita tentang memberi persembahan yang diterima oleh Tuhan?

Nota:

Tanyakan kepada kanak-kanak apakah pendapat mereka tentang hadiah atau persembahan yang diterima oleh Tuhan.

Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:

- Habel dengan teliti memilih yang terbaik daripada apa yang dihasilkannya. (Kej 4:4).
- Kain telah melakukan sesuatu yang tidak baik, yang menyebabkan persembahannya tidak diterima (Kej 4:6-7).
- Satu prinsip yang boleh dipertimbangkan adalah Persembahan bukanlah satu gantian bagi ketaatan. Perkara ini ditekankan dalam banyak bahagian yang lain dalam Alkitab. Sebagai contoh, rujuk 1 Samuel 15:22.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 5: Nuh Membina Bahtera

(Kejadian Jil. 1 bab 5)

Tema/Gambaran Keseluruhan Cerita:

Ketika populasi manusia semakin bertambah, demikian jugalah tahap sifat berdosa mereka. Hal ini menyedihkan Tuhan yang nekad untuk menghakimi dunia. Walau bagaimanapun, Dia menemukan seseorang yang setia dan benar dalam Nuh dan keluarganya. Oleh itu Dia memerintahkan Nuh untuk membina sebuah Bahtera yang besar yang akan menyelamatkan bukan sahaja keluarganya tetapi juga sepasang daripada setiap spesies binatang supaya ia dapat memenuhi bumi semula selepas banjir itu.

Petikan Alkitab

Kejadian 6 dan 7.

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum - Kejadian 6:5 - 22.

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 5 - Nuh Membina Bahtera.

Tidak ada soalan kuiz dalam bab ini.

Objektif

Nuh hidup dalam dunia yang tidak berbeza daripada dunia pada hari ini. Terdapat dosa di mana-mana tetapi Nuh memastikan dirinya dan keluarganya tetap benar di hadapan Tuhan. Bantu kanak-kanak untuk mempelajari bahawa sementara kita hidup dalam dunia yang cenderung kepada dosa, kita dipanggil oleh Tuhan untuk hidup menurut hukum-Nya seperti yang tertulis dalam Alkitab. Seperti Nuh kita juga harus bersedia dan taat untuk melakukan apa yang Dia panggil untuk kita lakukan. Melalui tindakan kita, kita dapat membawa berkat Tuhan kepada diri kita sendiri dan kepada orang-orang di sekeliling kita.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 5 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 5.

Ayat Hafalan

Hanyalah Dia batu pejal dan penyelamatanku; Dialah yang melindungi, maka aku tidak akan digulingkan.

Mazmur 62:2

Pelajaran daripada Cerita

Kelayakan Nuh hanyalah dia mempercayai dan mengasihi Tuhan. Dia dipilih untuk tugas yang besar dalam membina Bahtera dan membantu memelihara ciptaan Allah.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

1. Biarpun ketika orang lain di sekitar kita terus melakukan dosa terhadap Tuhan, kita haruslah tetap dengan iman kita dan tidak melakukan apa yang dilarang oleh Tuhan, seperti Nuh.
2. Tuhan memanggil orang yang setia untuk melakukan kehendak-Nya, yang membawa kepada penyelamatan atau berkat bagi orang-orang di sekeliling mereka.


Respon dan Doa

- Minta kanak-kanak untuk berfikir bagaimana mereka boleh menjadi taat kepada Tuhan dan menjadi satu berkat bagi mereka yang berada di sekeliling mereka.

Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)

Padankan:



Peringkat 2 (umur 7-8)

Aktiviti 1: Ayat yang berwarna seharusnya:
Tuhan sangat sedih kerana semua orang di bumi ...
Nuh mempunyai makanan yang mencukupi untuk
keluarganya ...
Hanya Nuh dan orang-orang yang bersama dengannya
dalam Bahtera yang hidup.

Peringkat 3 (umur 9-10)

(Tiada jawapan. Aktivitinya adalah membuat sampen kertas)

Peringkat 4 (umur 11-12)

Hati-hati, dosa boleh berjangkit!

Berbohong, Menyimpan dendam, Cemburu, Menyumpah,
Membalas dendam, Bergosip

Apakah yang bernilai bagi kamu?

harta, keseronokan, keluarga, kesihatan

Pelajaran ini tidak mempunyai Kuiz atau Soalan-soalan Perbincangan dalam Multimedia

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 6: Banjir Besar

(Kejadian Jil. 1 bab 6)

Tema/ Gambaran Keseluruhan Cerita:

Penghakiman datang dalam bentuk banjir yang dahsyat. Hujan berterusan selama 40 hari dan 40 malam. Banjir menutupi semuanya yang dapat dilihat oleh Nuh. Semua yang berada di luar Bahtera telah musnah. Tetapi Nuh dan keluarganya diselamatkan.

Tetapi apabila banjir reda, Tuhan membenarkan bumi untuk kering dan Nuh beserta binatang-binatang dapat hidup di darat semula. Tuhan membuat sebuah perjanjian yang baru dengan Nuh dan memberkati keluarganya.

Petikan Alkitab

Kejadian 7:16 - 9:17.

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum - Kejadian 7:17 - 24.

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 6 - Banjir Besar.

Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk anak-anak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Tuhan menghukum dosa. Tetapi Dia berbelas kasihan dan menyelamatkan yang benar. Tuhan terus berhubungan dengan manusia dengan membuat sebuah perjanjian yang baru dengan Nuh.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 6 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 6.

Ayat Hafalan

Hanya ada satu Allah dan hanya ada satu pengantara di antara Allah dengan manusia iaitu seorang insan Kristus Yesus. Dia telah menyerahkan diri-Nya untuk menebus dosa seluruh umat manusia

1 Timotius 2:5-6

Pelajaran daripada Cerita

1. Dosa membawa kepada penghakiman daripada Tuhan tetapi kesetiaan membawa kepada penyelamatan. Tuhan memanggil orang-orang yang setia untuk melakukan tawaran-Nya dan ini membawa kepada penyelamatan bagi semua yang ingin mengikuti.
2. Cerita Nuh ialah gambaran tentang Yesus. Yesus adalah seperti Nuh dan Bahtera yang menyediakan penyelamatan bagi mereka yang setia dan akan mengikuti-Nya. (1 Petrus 3:20).

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

1. Dosa membawa kepada penghakiman daripada Tuhan. Kita harus meminta pengampunan dan berpaling daripada dosa-dosa kita.
2. Cerita Nuh ialah gambaran tentang bagaimana Yesus dapat menyelamatkan kita. Bagaimanakah Yesus membuat perubahan dalam hidup kita pada hari ini? Bagaimanakah kita dapat membawakan orang lain kepada Yesus?

Respon dan Doa


- Yesus adalah perjanjian bagi Tuhan untuk sesiapa di antara kita yang inginkan dosa kita diampuni dan untuk menjalani kehidupan yang benar. Dia adalah seperti Bahtera yang menyelamatkan nyawa di tengah-tengah penghakiman Tuhan.

Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)

Kenali: pelangi bahtera daun merpati

Mencari daratan yang kering:



Tindakan: Yesus adalah seperti bahtera dalam cerita ini.

Peringkat 2 (umur 7-8)

Aktiviti 1:

- | | |
|---------------|------------|
| 1. membanjiri | 3. mazbah |
| 2. gagak | 4. pelangi |

Peringkat 3 (umur 9-10)

Fikirkan:

- | | |
|---------------|------------|
| 1. membanjiri | 3. mazbah |
| 2. gagak | 4. pelangi |

Peringkat 4 (umur 11-12)

Ketahui ceritanya:

- | | | |
|------|------|------|
| 1. 4 | 4. 9 | 7. 6 |
| 2. 7 | 5. 5 | 8. 8 |
| 3. 2 | 6. 3 | 9. 1 |

Mengucapkan 'Maaf': Kanak-kanak seharusnya mewarnakan B dan D.

Jawapan untuk Kuiz Multimedia

- C Rujuk Kejadian 7:4
- D Rujuk Kejadian 6:15
- B Rujuk Kejadian 7:24
- A Rujuk Kejadian 6:10
- D Rujuk Kejadian 7:6
- C Nuh juga menghantar seekor Gagak (Kej 8:7) tetapi kemudian dia menghantar seekor merpati (Kej 8:8). Dalam pilihan jawapan yang diberikan di atas, hanya merpati yang merupakan jawapan yang betul.
- C Rujuk Kejadian 8:4. Kita seharusnya mengambil perhatian bahawa Alkitab tidak berkata, Gunung Ararat. Sebaliknya ia menyebut pergunungan Ararat. Ini merujuk kepada kawasan pergunungan Ararat di mana terdapat lebih daripada satu puncak.

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Apakah persamaan perjanjian Tuhan dengan Adam dan perjanjian-Nya dengan Nuh?

Nota: Perjanjian dengan Adam dan Nuh mempunyai banyak persamaan tetapi tidak benar-benar sama. Beberapa perkara yang perlu diperhatikan termasuklah:

- Perjanjian Tuhan dengan Adam merangkumi semua manusia. Demikianlah perjanjian dengan Nuh.
- Perjanjian Tuhan dengan Adam merangkumi seluruh bumi. Demikianlah perjanjian dengan Nuh.
- Adam diperintahkan untuk beranakcucu dan bertambah ramai dan menakluk binatang-binatang. Demikian juga Nuh.
- Perjanjian Tuhan dengan Adam membenarkan manusia untuk memakan apa sahaja tumbuhan dan buah-buahan, tetapi melarangnya daripada makan buah daripada pokok pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat. Perjanjian Tuhan dengan Nuh membenarkannya untuk makan binatang-binatang itu tetapi manusia tidak seharusnya makan daging bersama darahnya.

2.

Apakah yang diajarkan oleh cerita Nuh kepada kita tentang hukuman Tuhan dan kepercayaan kepada Tuhan?

Nota: Kita boleh tanyakan kepada kanak-kanak untuk memberikan pendapat mereka tentang bagaimana iman Nuh dalam Tuhan diuji. Beberapa perkara adalah merangkumi:

- Pembinaan bahtera itu adalah sebuah projek yang sangat besar. Bagaimana Nuh ingin membina bahtera yang sangat besar itu. Alkitab memberitahu kita tentang dimensi bahtera itu dan ianya sangat besar bahkan untuk piawai moden.
- Pasti mengambil masa yang sangat panjang untuk membina bahtera itu. Alkitab tidak mengatakan di mana Nuh membina bahtera itu, tetapi tidak ada limbungan kapal yang ada disebutkan. Secara implikasinya, bahtera itu tidak dibina berdekatan dengan laut tetapi di atas daratan yang kering. Orang-orang tentunya mengejek-ejek Nuh ketika dia sedang membina bahtera itu.
- Nuh mempercayai Tuhan untuk menyediakan semua sumber yang diperlukannya.
- Nuh mempercayai Tuhan untuk membawa semua binatang ke dalam bahtera itu apabila tiba masanya.
- Nuh mempercayai Tuhan untuk melindungi bahtera itu ketika ribut dan banjir yang besar tiba. Ingat, ini bukanlah ribut yang kebiasaannya.
- Nuh mempercayai Tuhan untuk mengakhiri bajir itu selepas bumi dan semua ciptaan yang hidup dimusnahkan. Ianya juga penting untuk menekankan kepada kanak-kanak tentang kesetiaan Tuhan yang dipercayai oleh Nuh. Bagi semua perkara yang Nuh mempercayai Tuhan untuk lakukan, telah dilakukan oleh-Nya.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 7: Menara Babel

(Kejadian Jil. 1 bab 7)

Tema/ Gambaran Keseluruhan Cerita:

Selepas banjir itu, manusia kembali menghuni bumi. Sekali lagi manusia berdosa. Mereka tidak mentaati perintah Tuhan untuk tersebar dan mendiami bumi. Sebaliknya mereka membina sebuah kota dan sebuah menara yang tinggi untuk menunjukkan betapa hebatnya mereka. Tuhan melihat penentangan mereka dan memutuskan untuk mengelirukan bahasa mereka supaya mereka berbicara dalam banyak bahasa dan tidak dapat saling memahami antara satu sama lain. Kemudian manusia itupun dipisahkan.

Petikan Alkitab

Kejadian 11:1-9.

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum - Kejadian 11:1-9.

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 9 - Menara Babel.

Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Kita seharusnya taat kepada Tuhan. Semua pengetahuan dan kebolehan kita telah diberikan kepada kita oleh Tuhan. Kita seharusnya menggunakan kebolehan ini untuk memuliakan Tuhan dan bukan melawan keinginan-Nya.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 7 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 7.

Ayat Hafalan

Keangkuhan mendahului kehancuran, dan hati yang sombong mendahului kejatuhan.

Amsal 16:18

Pelajaran daripada Cerita

Manusia tidak mentaati Tuhan dengan menolak untuk dipisahkan dan memenuhi bumi. Sebaliknya mereka membina sebuah menara dalam penentangan mereka terhadap Tuhan. Selagi manusia terus memilih untuk tidak mentaati Tuhan, rancangan mereka akan mengecewakan dan mereka akan berhadapan dengan penghakiman.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

Bantu kanak-kanak memahami mengapa orang-orang itu ingin membina sebuah menara. Bagaimanakah kita serupa dengan keadaan itu pada hari ini? Apakah yang diajarkan oleh cerita ini kepada kita tentang melakukan perancangan yang berfokuskan untuk menjadikan diri kita kelihatan baik dan bukannya berfokuskan pada apa yang Tuhan inginkan untuk kita lakukan?

Respon dan Doa

- Bantu kanak-kanak untuk menyerahkan setiap rancangan mereka kepada Tuhan dan minta daripada-Nya kebijaksanaan dalam memutuskan rancangan mereka yang manakah yang seharusnya lebih diutamakan. Kemudian berdoa untuk rancangan-rancangan ini.

Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)

Kenali:

menara
batu-bata
langit

Peringkat 2 (umur 7-8)

Aktiviti 1:

Mereka angkuh dan melawan Tuhan

Peringkat 3 (umur 9-10)

Aktiviti 1: dosa Mengapa? belas kasihan
 menara penghakiman
 tidak taat
 kejahatan

Warna: Ayat yang betul (bentuk hati berwarna ungu) adalah:

- Saya berdoa sebelum saya melakukan sesuatu.
- Saya berdoa dan membaca Alkitab setiap hari supaya saya dapat mengetahui apa yang Tuhan katakan kepada saya.
- Ketika saya dicubai, saya akan berdoa kepada Tuhan.

Peringkat 4 (umur 11-12)

Gangguan komunikasi!:

1. Awak yang kenyang?
2. Berapa harga ini
3. coklat
4. percuma
5. pengembaraan

Manusia boleh merancang, tetapi Tuhan boleh menolaknya:

Semua binatang orang membicarakan rumah bahasa yang sama. Orang-orang berpindah dan tinggal di tanah Sinair Babel. Mereka mempunyai rancangan bersama dan memberitahu antara satu sama lain, "Jom, mari bina sebuah taman kota untuk diri kita sendiri dengan satu mangkuk menara yang menyentuh lautan langit. Ini akan menjadikan kita terkenal dan memastikan kita tidak dipukul dipisah-pisahkan ke seluruh dunia." Tuhan menghentikan mereka dengan mengelirukan bahasa mereka dan kota itu dipanggil Bogge Babel.

Tindakan:

1. Kanak-kanak perlu menandakan "Tuhan tidak gembira dengan keangkuhan dan ketidaktaatan mereka."
2. dan 3. - Jawapan masing-masing

8. E Rujuk Kejadian 11:7-8 Tidak ada disebutkan secara spesifik cara yang Tuhan Allah gunakan untuk mengelirukan bahasa orang-orang itu. Dia terus melakukannya.
9. B Rujuk Kejadian 11:8-9
10. B Rujuk Kejadian 11:8-9
11. C Rujuk Kejadian 11:9

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Mengapakah orang di Sinair hendak membina 'sebuah Menara yang puncaknya sampai ke langit'?
Nota: Rujuk Kejadian 11:4. Mereka mahu menjadikan diri mereka terkenal dan tidak mahu dipisah-pisahkan ke seluruh bumi.
2. Mengapakah Tuhan murka dengan orang di Sinair?
Nota: Mereka tidak mentaati perintah Tuhan untuk dipisah-pisahkan dan "penuhi bumi". Rujuk Kejadian 9:1. Terdapat juga rasa kesombongan yang secara tidak langsung dalam diri manusia yang ingin membina sebuah menara yang akan mencapai langit.
3. Apakah yang berlaku selepas Tuhan mengacau Bahasa mereka?
Nota: Mereka dipisah-pisahkan ke seluruh bumi. Rujuk Kejadian 11:9.
4. Apakah yang diajar oleh cerita ini kepada kita tentang rancangan manusia berbanding dengan rancangan Tuhan?
Nota: Cerita ini adalah sebuah peringatan kepada kita bahawa manusia boleh melaksanakan rancangan-rancangan yang hebat. Tetapi apabila rancangan-rancangan ini tidak selari dengan kehendak Tuhan, rancangan-rancangan ini akan gagal.

Jawapan untuk Kuiz Multimedia

1. D Rujuk Kejadian 9:28
2. D Rujuk Kejadian 10:8-10
3. E Rujuk Kejadian 11:11
4. B Rujuk Kejadian 11:2
5. B Rujuk Kejadian 11:5-7
6. A Rujuk Kejadian 11:4
7. D Rujuk Kejadian 11:4

Pelajaran 8: Abram dan Panggilan Tuhan

(Kejadian Jil. 1 bab 8)

Tema/ Gambaran Keseluruhan Cerita:

Abram ialah seorang lelaki yang benar yang tinggal di sebuah kota bernama Ur di mana orang-orang menyembah semua jenis tuhan kecuali Tuhan yang benar. Tuhan memanggil Abram untuk meninggalkan negaranya, orang-orangnya dan keluarga bapanya untuk pergi ke tanah yang dijanjikan kepadanya. Sepanjang perjalanan, dia mengalami kebuluran dan membawa keluarganya ke Mesir. Firaun, raja Mesir menyukai Sarai, isteri Abram. Abram mengatakan Sarai ialah adiknya dan menerima banyak hadiah daripada Firaun. Tetapi sebelum Firaun berkahwin dengan Sarai, Tuhan masuk campur dengan menjadikan Firaun sakit. Firaun menyedari kesalahannya dan dengan pantas menyuruh Abram pergi.

Petikan Alkitab

Kejadian 12:1-20.

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum - Kejadian 12:1-20.

Bagi kanak-kanak yang lebih muda versi yang telah dipendekkan ialah Kejadian 12:1-9.

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 8 - Abram dan Panggilan Tuhan.

Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Abram dipanggil untuk meninggalkan sebuah kota yang kaya dan lebih maju untuk mengembara di sebuah padang pasir. Tuhan berjanji bahawa anaknya dan keturunannya satu hari nanti akan mendiami tanah yang subur dan dilimpahi dengan susu dan madu. Bantu kanak-kanak untuk mempelajari bahawa iman Abram telah membawanya untuk mengikuti panggilan Tuhan dan seterusnya daripada keturunannya akan datang Tuhan Yesus yang akan membawa keselamatan dan berkat Tuhan kepada semua bangsa di bumi.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 8 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 8.

Ayat Hafalan

“Aku terus berusaha ke arah matlamat mendapatkan ganjaran, iaitu panggilan Allah ke syurga dalam Kristus Yesus.”

Filipi 3:14

Pelajaran daripada Cerita

1. Janji berkat Tuhan ke atas manusia kini diberikan kepada Abram. Abram, kerana imannya dalam Tuhan, dipanggil untuk menjadi bapa dan pemimpin bagi orang-orang terpilih yang melalui Tuhan akan memberkati dunia ini.
2. Abram ialah seorang lelaki yang kaya yang tinggal dalam kesenangan di sebuah kota yang besar. Tetapi dia sanggup untuk menjawab panggilan Tuhan dan meninggalkan kesenangan di kota itu dan menuju ke Tanah yang Dijanjikan, mengetahui bahawa dia akan menjalani kehidupan yang sukar.
3. Biarpun dia seharusnya tidak berbohong tentang isterinya, Tuhan masih melindunginya semasa dia masih berada di Mesir. Abram akan belajar daripada kesilapan ini dan seterusnya akan percaya kepada Tuhan sepenuhnya

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

1. Bagaimanakah kita bertindak balas ketika Tuhan memanggil kita untuk melakukan sesuatu untuk-Nya? Adakah kita melihat pada halangan atau adakah kita melihat kepada Tuhan yang memanggil kita? Abram tidak akan merasakan kesenangan dalam kehidupan kota lagi seumur hidupnya, tetapi dia masih taat.
2. Adakalanya ianya kelihatan seperti halangan kita terlalu besar dan melebihi kekuatan kita. Apakah yang diajarkan oleh cerita ini kepada kita tentang apa-apa halangan manusia yang muncul di tengah-tengah misi yang diberikan oleh Tuhan?


Respon dan Doa

Tanyakan kepada kanak-kanak bilakah kali terakhir mereka mendengar panggilan daripada Tuhan. Bantu untuk memikirkan perkara-perkara di atas dan berdoa untuk kebijaksanaan dan pengetahuan ketika kita menerima sebuah panggilan daripada Tuhan. Mereka juga boleh berbincang kepada orang-orang Kristian yang lebih tua jika mereka mempunyai persoalan.

Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)

Abram mengembara ke Mesir:



Tindakan: 2: ✓, 3: ✓, 4: ✓


Peringkat 2 (umur 7-8)

Aktiviti 1: Kanak-kanak melukiskan gambar mereka sendiri

Isi tempat kosong:

rumah	Kanaan
Mesir	adik
cantik	Firaun
sakit	berbohong

Aktiviti 2:



Peringkat 3 (umur 9-10)

Senaraikan apa yang mudah, apa yang sukar:

Jawapan kanak-kanak sendiri. Guru seharusnya melihat jawapan kanak-kanak dan berbincang untuk membimbing mereka.

Peringkat 4 (umur 11-12)

Apakah yang Tuhan beritahukan kepada Abram?:

- rumah
- memberkati
- mengutuk
- keturunan

Tindakan: Kanak-kanak seharusnya membulatkan "Sepenuhnya"

Jawapan untuk Kuiz Multimedia

- B Rujuk Kej 11:27
- E Biarpun Sarai adalah 10 tahun lebih muda daripada Abraham, dan ketika Abram meninggalkan Haran, kita diberitahu bahawa dia berumur 75 tahun (Rujuk Kej 12:4), terdapat sedikit tempoh masa di antara keberangkatan mereka daripada Haran dengan kebuluran dalam Kejadian 12:10. Oleh itu, tidak jelas berapakah umur Sarai, ketika dia dibawa ke hadapan Firaun, tetapi kita mengetahui bahawa dia lebih tua daripada 60 tahun.
- C Rujuk Kejadian 12:4
- C Rujuk Kej 11:28 - 31
- B Rujuk Kej 11:31
- B Rujuk Kej 11:31

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan

Perbincangan dalam Multimedia

- Pada pendapat kamu, apakah perasaan Sarai ketika Abram memberitahu dia bahawa mereka akan pergi ke tanah perjanjian, mula-mula semasa mereka di Ur, dan kemudian sekali lagi di Haran? Adakah dia sedar bahawa mereka akan tinggal di dalam khemah di tanah gurun sepanjang hidup mereka?

Nota: Ingatkan kanak-kanak tentang gambarajah yang mereka lihat dalam multimedia atau buku, tentang kota yang mewah di Ur dan Haran. Bandingkan itu dengan khemah-khemah yang pastinya mereka tinggal di dalamnya sewaktu mengembara di padang pasir.

Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:

1. Ia mungkin sangat tidak selesa.
 2. Mereka terdedah kepada bahaya serangan hendap dan perompak.
 3. Mereka terdedah kepada bahaya cuaca yang melampau.
 4. Mereka terdedah kepada bahaya kebuluran dan bencana-bencana alam yang lain. Tanyakan kepada kanak-kanak jika Sarai, dan seluruh keluarga Abram berfikir bahawa Abram gila. Tanyakan kepada mereka mengapa Abram taat kepada perintah sedemikian. daripada Tuhan. Apakah jenis iman yang dimiliki oleh Abram?
2. Pada pendapat kamu, apakah perasaan Sarai apabila dia disuruh berbohong tentang dia bukan isteri Abram?
 3. Pada pendapat kamu, apakah perasaan Firaun apabila dia sedar bahawa Tuhan melindungi Abram?

Nota: Beberapa perkara untuk dipertimbangkan:

1. Mereka cuba untuk melepaskan diri daripada kebuluran. Apakah keadaan mereka sekarang?
2. Kita tahu daripada sejarah bahawa Mesir telahpun menjadi sebuah negara yang berkuasa pada masa itu. Tidakkah mereka berasa takut kepada seorang raja yang berkuasa?
3. Sarai telah banyak berkorban untuk mengikut Abram seperti yang disebutkan dalam Soalan 1 di atas. Sekarang dia perlu menafikan bahawa dia ialah suaminya.
4. Adakah dia tertanya-tanya jika Tuhan Abram ialah benar dan berkuasa?

3. Pada pendapat kamu, apakah perasaan Firaun apabila dia sedar bahawa Tuhan melindungi Abram?

Nota: Daripada bukti yang ditunjukkan dalam Alkitab (rujuk Kejadian 12:18-20) kita mengetahui bahawa:

1. Dia menyuruh Abram dan Sarai pulang dengan serta-merta. Dia tidak mencuba untuk meneruskan hubungannya dengan Sarai.
2. Dia tidak mengambil satu pun kepunyaan Abram. Abram dihantar pergi dengan semua yang dimilikinya. Daripada hal ini kita boleh menyimpulkan bahawa Firaun sesungguhnyanya takut kepada Tuhan Abraham. Dia mungkin sangat takut ketika dia menyedari betapa berkuasanya Tuhan yang melindungi Abram itu.

Kita juga melihat bahawa Firaun yang ini lebih bijak berbanding dengan Firaun yang memerintah Mesir pada zaman Musa. Jika Firaun yang itu mendengar suara Musa, pastinya dia dapat menyelamatkan dirinya dan Mesir daripada pelbagai penderitaan dan aib.

4. Pada pendapat kamu, apakah kesan semua itu terhadap Abram selepas dia meninggalkan Mesir?

Nota: Tanyakan kepada kanak-kanak pada fikiran mereka apakah yang pastinya dirasakan oleh Abram ketika dia meninggalkan Mesir. Lukiskan sebuah senario untuk mereka. Mereka pergi ke Mesir untuk melarikan diri daripada kebuluran. Firaun memberikannya banyak harta. Biarpun ini diberikan hasil daripada penipuan Abram, Tuhan masih tidak masuk campur untuk membawanya keluar. Tanyakan kepada kanak-kanak jika mereka berfikir bahawa ianya benar bagi Abram untuk berbohong tentang isterinya. Jelasnya, Tuhan tidak menginginkan kita untuk berbohong.

Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:

Mesir ialah sebuah kuasa yang lebih besar daripada kerajaan-kerajaan kecil di sekitar Lembah Yordan, seperti Sodom dan Gomora. Jika Tuhan mampu melindungi Abram daripada empayar yang besar seperti itu berta raja dan tuhan-tuhan mereka, pastinya Dia ialah Tuhan yang Maha Kuasa.

Kejadian Jilid 1

Pelajaran 9: Abram dan Lut

(Kejadian Jil. 1 bab 9)

Tema/ Gambaran Keseluruhan Cerita:

Abram dan Lut berpisah haluan kerana para gembala mereka berselisih faham kerana padang rumput untuk ternakan mereka. Abram memberikan Lut tanah yang merupakan pilihan yang pertama dan Lut memilih lembah yang subur berdekatan dengan Sodom. Ketika peperangan berlaku, Lut dan ramai penghuni di Sodom diculik oleh musuh. Abram bersama dengan bilangan tentera yang kecil tetapi berkemahiran mengalahkan musuh dan menyelamatkan Lut dan penghuni-penghuni Sodom. Dia mengembalikan orang Sodom bersama dengan banyak hasil rompakan kepada Raja Sodom. Kemudian dia bertemu Melkisedek seorang imam Allah dari Salem dan mengadakan persekutuan dengannya.

Petikan Alkitab

Kejadian 13 dan 14.

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum - Kejadian 13:5-18.

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 9 - Abram dan Lut. Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan. Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Bantu kanak-kanak untuk mempelajari beberapa ciri-ciri Abram. Dia sangat bermurah hati kepada Lut. Walaupun dia boleh mendapatkan pilihan yang pertama, dia membenarkan Lut untuk membuat pilihan yang pertama untuk padang rumput itu. Dia mengasihi Lut. Ketika Lut diculik, Abram secara peribadi memimpin pasukan tentera untuk menyelamatkan Lut. Abram menolak untuk menerima hasil jarahan daripada Raja Sodom sebagai bayaran daripada tindakannya.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 9 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 9.

Ayat Hafalan

“Ingatlah baik-baik supaya menjaga diri daripada segala ketamakan kerana kehidupan manusia tidak bergantung pada harta kekayaan yang dimiliki.” Lukas 12:15

Pelajaran daripada Cerita

1. Abram ialah seorang yang baik hati dan menawarkan Lut pilihan untuk tanah. Lut memilih padang rumput yang lebih baik tetapi akhirnya tinggal di Sodom, sebuah kota dosa.
2. Dengan Tuhan di sisinya, Abram, walaupun dikelilingi oleh musuh yang ramai, tidak takut akan musuh. Dia mengalahkan raja-raja Utara dan membawa pulang hasil jarahan dan tawanan.
3. Abram menolak pemberian daripada raja Sodom kerana tidak mahu menerima apa-apa daripadanya. Abram belajar daripada kesilapannya di Mesir. Dia tidak memerlukan bantuan daripada raja-raja yang jahat. Tuhan ialah yang menyediakan baginya dan sekutunya yang terbesar.
4. Abram kembali ke kota perbukitan di mana dia memberikan hormat kepada Tuhan dengan mengembalikan persembahan sepersepuluh kepada Melkisedek. Lut kembali ke kota Sodom yang keji.

Respon dan Doa

Minta kanak-kanak untuk menyenaraikan beberapa perkara yang mereka boleh serahkan kepada Tuhan dan pimpin mereka dalam doa.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

1. Perhatikan cara Abram menangani sebuah perbalahan keluarga. Apakah yang dapat kita pelajari daripada cerita ini?
2. Mengapakah Abram menolak tawaran raja Sodom? Mengapakah hal ini penting dan apakah yang dapat kita pelajari daripada ini?
3. Abram mempercayai Tuhan sepenuhnya - dalam memberikan pilihan pertama untuk padang rumput kepada Lut; dalam menyelamatkan Lut, dalam menolak pemberian daripada raja Sodom dan dalam memberikan persembahan sepersepuluh kepada Melkisedek. Apakah yang dapat kita pelajari daripada iman Abram dalam Tuhan?

Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 2 (umur 7-8)

Aktiviti 1:

Bentuk belon dialog (kanak-kanak boleh melukiskan mana-mana tiga daripadanya):

- “Jika kamu ke kiri...” - Abram
- “Saya akan membawa orang-orang dan ternakan saya ke dataran Yordan” - Lut
- “Saya tidak akan menerima apa-apa supaya...” - Abram
- “Diberkatilah Abram oleh Tuhan yang Maha Tinggi” - Melkisedek, raja dan imam

Aktiviti 2: Jawapan-jawapan yang boleh diterima: Persembahan sepersepuluh adalah memberikan sedikit/ 10% daripada duit poket saya kepada gereja/ orang miskin/ pelayanan.

Peringkat 3 (umur 9-10)

Anagram Abraham dan Lut:

1. Kanaan	6. kanan
2. perak	7. kota-kota
3. binatang-binatang	8. emas
4. Sodom	9. kiri
5. isteri	10. hamba

Peringkat 4 (umur 11-12)

Betul atau Salah:

1. S	2. B	3. S	4. S
5. S	6. B	7. B	

Peta keperibadian:

Abram

masalah - tidak mempunyai tanah yang cukup
pilihan - membiarkan Lut memilih terlebih dahulu
sikap - pemurah, lemah-lembut, mempercayai Tuhan

Lut

masalah - tidak mempunyai tanah yang cukup
pilihan - mengambil tanah yang terbaik
sikap - mementingkan diri, mengutamakan diri sendiri

Bagaimana dengan kamu? Semak sendiri: Jawapan kanak-kanak sendiri

Jawapan untuk Kuiz Multimedia

1. E Rujuk nota dalam cerita sebelum ini: dia adalah a, c dan d. Dalam cerita ini kita juga mengetahui dia tinggal dalam atau berdekatan Sodom.
2. C Rujuk Kej 13:3
3. B Rujuk Kej 13:8
4. D Rujuk Kej 13:10
5. C Rujuk Kej 14:14
6. E Rujuk Kej 14:15
7. B Rujuk Kej 14:18
8. C Rujuk Kej 14:20
9. B Rujuk Kej 14:2

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Mengapakah raja-raja di selatan meninggalkan kota-kota mereka dan dibiarkan tanpa perlindungan setelah mereka dikalahkan oleh raja-raja dari utara? Apakah yang dinyatakan oleh tindakan ini tentang peperangan itu?
Nota: Peperangan itu berlaku dengan sangat pantas. Raja-raja dari selatan telah dikalahkan dan tidak mampu melindungi kota mereka.
2. Mengapakah raja dari Sodom keluar untuk menawarkan barang jarahan kepada Abram?
Nota: Raja Sodom ingin Abram menjadi objeknya.
3. Mengapakah Abram tidak menerima tawaran daripada raja Sodom itu?
Nota: Dia tidak mahu pertolongan atau harta daripada raja yang kejam.
4. Mengapakah Abram menawarkan persembahan sepersepuluh kepada raja di Salem?
Nota: Untuk memuliakan Tuhan dan memberikan kemuliaan kepada-Nya untuk kemenangan itu.
5. Apakah perubahan yang kamu lihat dalam Abram semenjak dia melencong ke Mesir?
Nota: Abram kini lebih yakin terhadap dirinya sendiri. Imannya dalam Tuhan telah bertambah.

Pelajaran 10: Janji seorang Anak Lelaki

(Kejadian Jil. 1 bab 10)

Tema/ Gambaran Keseluruhan Cerita:

Sehingga sekarang Abram dan Sarai tidak memiliki anak mereka sendiri. Namun Tuhan telah berjanji kepadanya bahawa keturunannya akan mewarisi Tanah yang Dijanjikan. Tuhan berjanji kepada Abram bahawa dia akan memiliki seorang anak lelaki. Sarai mendapati ianya sangat sukar untuk percaya kerana dia dan suaminya sudah terlalu tua. Dia memutuskan untuk 'menolong' rancangan Tuhan dengan memberikan Abram seorang hamba perempuan untuk melahirkan seorang anak. Tetapi setelah hamba itu, Hagar, sedang mengandung, dia menjadi sombong dan membuat Sarai menjadi sangat marah.

Petikan Alkitab

Kejadian 15 dan 16.

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum - Kejadian 15:1-7.

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 10 - Janji seorang Anak Lelaki.

Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Apabila Tuhan membuat janji, Dia akan menunaikannya. Tidak ada yang terlalu sukar bagi Tuhan. Tuhan tidak bertujuan bagi anak yang dijanjikan itu untuk dilahirkan oleh hamba Sarai yang merupakan orang Mesir. Melalui Abram dan Sarai lah anak lelaki yang dijanjikan itu akan diberikan.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 10 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 10.

Ayat Hafalan

"Sebabnya bagi Allah tidak ada yang mustahil."

Lukas 1:37

Pelajaran daripada Cerita

Ketika Abram sanggup menantikan Tuhan untuk menggenapi janji-Nya, Sarai menjadi tidak sabar dan memutuskan untuk menyelesaikannya dalam tangannya sendiri. Ismael bukanlah anak lelaki yang dijanjikan. Tuhan akan menggenapi janji-Nya pada waktu-Nya sendiri.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

Mengapa Sarai melakukan apa yang dilakukannya terhadap Hagar? Adakah ini tindakan yang betul untuk bertindak bagi janji Tuhan kepada Abram? Kita perlu memiliki iman untuk mengetahui bahawa Tuhan akan memenuhi janji-janji-Nya.

Respon dan Doa

Mintalah kanak-kanak untuk berdoa bagi kebijaksanaan untuk membezakan bilakah mereka perlu menanti dengan sabar untuk jawapan Tuhan dan bilakah untuk mentaati perintah Tuhan.

Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)


Kenali: anak lelaki
bintang
malaikat

Tindakan: 1. tidak sabar 2. tidak gembira

Peringkat 2 (umur 7-8)

Aktiviti 1: 1. keturunan 2. hambanya
3. malaikat, kembali 4. Ismael

Aktiviti 2:




Peringkat 3 (umur 9-10)

Aktiviti Permulaan - Tolong Berikan Kesabaran!

Guru boleh memberikan arahan tentang apa yang murid-murid perlu lakukan terhadap bola itu, cth. untuk dilemparkan kepada siapa. Atau menggunakan bola itu untuk bermain "berikan bungkus" dengan muzik. Apabila muzik berhenti, murid yang memegang bola itu boleh sama ada membuat satu denda atau duduk di luar bulatan itu.


Mez Abram dan Sara:



Tindakan: menunggu

Peringkat 4 (umur 11-12)

Rancangan yang dijanjikan:



Jawapan untuk Kuiz Multimedia

1. Betul Rujuk Kej 15:2
2. Betul Rujuk Kej 15:4
3. Salah Rujuk Kej 15:6
4. Betul Rujuk Kej 15:9
5. Salah Rujuk Kej 15:11 Ismael bermaksud "Allah mendengar."

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan Perbincangan dalam Multimedia

Tamaf1. Terangkan perbezaan antara pendekatan Abram dan Sarai terhadap waris itu.

Nota:

Beberapa perkara yang kamu boleh ingatkan kepada kanak-kanak diberikan seperti yang berikut:

1. Abram dan Sara masing-masing telah berumur 85 dan 75 tahun. Mereka telah pun berada di luar umur yang biasa untuk melahirkan anak. Rujuk Kej 16:3, selepas Abram telahpun tinggal di Kanaan, tanah yang dijanjikan selama 10 tahun, mereka masih tidak memiliki anak sendiri. Mereka pastinya berasa sangat tertekan untuk mempunyai seorang waris.
2. Pada zaman itu, ia adalah satu kebiasaan untuk mempunyai anak melalui seorang isteri ganti. Rujuk Tyndale Commentary (Ruj. A) m. 126.
3. Rujuk Kej 16:2. Sarai pastinya berasa sangat kecewa kerana dia tidak dapat melahirkan anak.

Tanyakan kepada kanak-kanak betapa Sarai berasa cemburu, yang pertama, untuk membenarkan suami yang dikasihinya mengambil seorang lagi isteri untuk melahirkan anak, dan kemudiannya untuk melihat wanita lain memkamung rendah terhadapnya, selepas dia mengandung.

Pelajaran 11: Abraham dan Perjanjian Tuhan

(Kejadian Jil. 1 bab 11)

Tema/ Gambaran Keseluruhan Cerita:

Nama Abram diubah kepada Abraham dan nama Sarai diubah kepada Sarah. Tuhan kini membuat sebuah perjanjian yang rasmi dengan Abraham. Perjanjian itu diberikan dengan satu tanda lahiriah iaitu penyunatan. Ahli keluarga Abraham yang lelaki disunatkan. Kini umur Abraham 99 tahun.

Petikan Alkitab

Kejadian 17.

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum - Kejadian 17:1-8 dan 17-21.

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 11 - Abraham dan Perjanjian Tuhan.

Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Tuhan berhubungan dengan manusia melalui perjanjian-perjanjian. Perjanjian ialah persetujuan yang serius di antara umat manusia dan Tuhan menggunakan cara ini untuk menggambarkan hubungan-Nya dengan manusia. Dia memberikan kita hukum-Nya dan kita boleh menerima atau menolaknya. Jika kita menerima Yesus sebagai Tuhan dan Penyelamat kita, menerima kematian-Nya di kayu salib sebagai bayaran bagi dosa-dosa kita, maka Tuhan akan memberikan kita pengampunan dan hak untuk berdiri di hadapan-Nya.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 11 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 11.

Ayat Hafalan

Oleh sebab itu ketahuilah bahawa TUHAN, Allahmu, Dia Allah, Allah yang setia, yang berpegang teguh pada perjanjian, dan menunjukkan rahmat-Nya terhadap orang yang mengasihi-Nya serta yang berpegang teguh pada perintah-perintah-Nya, sampai beribu-ribu keturunan.

Ulangan 7:9

Pelajaran daripada Cerita

Janji asal Tuhan diteguhkan dalam sebuah Perjanjian yang rasmi. Abram dan Sarai diberikan nama yang baru.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

Abraham bertindak dalam ketaatan. Menyunatkan lelaki dewasa di khemah boleh membahayakan mereka kerana untuk beberapa hari mereka tidak akan dapat melindungi diri mereka. Apakah yang dapat kita pelajari daripada Abraham? Abraham dianggap sebagai seorang lelaki yang benar kerana imannya, bukan kerana dia tidak pernah melakukan kesalahan. Tuhan itu penuh belas kasihan dan mengetahui kelemahan-kelemahan kita. Dia mahukan kita untuk meletakkan kepercayaan kita kepada anak-Nya Tuhan Yesus yang telah membayar harga bagi dosa-dosa kita.

Respon dan Doa

Bantu kanak-kanak untuk berdoa bagi menerima Yesus ke dalam hidup mereka sebagai Tuhan dan Penyelamat. Bantu mereka untuk memahami bahawa dengan melakukan hal ini dan mentaati ajaran-ajaran Yesus seperti yang ditunjukkan dalam Alkitab, mereka akan berada dalam sebuah hubungan perjanjian dengan Tuhan seperti yang dijelaskan dalam Perjanjian Baru.

Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)

Ketahui:



Susunkan Gambar: A-3, C-1, B-2

Peringkat 2 (umur 7-8)

Aktiviti 1:

1. Abraham.
2. menyunatkan
3. Ishak

Aktiviti 2: ENKAU AKAN MENJADI BAPA KEPADA BANYAK BANGSA


Peringkat 3 (umur 9-10)

Tindakan: memilih

Peringkat 4 (umur 11-12)

Perjanjian yang Baru:

- | | | |
|------------|---------------|---------------|
| 1. Abraham | 3. kekal | 5. Sarah |
| 2. bapa | 4. disunatkan | 6. melahirkan |



Respon Abraham:

1. Abraham tertawa dan mempunyai sedikit keraguan (a. 17)
2. Dia taat, ini menunjukkan dia mempercayai Tuhan (a. 23)

Jawapan untuk Kuiz Multimedia

1. C
2. C

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Bagaimana kita tahu bahawa Abraham juga mengasihi Ismael dalam bahagian ini?
Rujuk Kej 17:18

2. Mengapa Tuhan memberi nama baru kepada Abram and Sarai?

Rujuk Kej 17:5-16

Ini adalah permulaan bagi satu hubungan yang baru di antara Tuhan dan Abraham dan keluarganya serta orang-orangnya.

Nama itu menggambarkan hubungan perjanjian yang baru. Ia juga adalah pembayang bagi apa yang Tuhan akan capai melalui mereka.

Pelajaran 12: Abraham merayu bagi pihak Sodom

(Kejadian Jil. 1 bab 12)

Tema/Gambaran Keseluruhan Cerita:

Abraham menerima satu lawatan daripada tiga orang pelawat yang kudus. Tuhan memberitahu Abraham bahawa masa ini pada tahun hadapan Sara akan melahirkan baginya seorang anak lelaki. Sara tertawa secara senyap-senyap dan ditegur oleh Tuhan. Kemudian Tuhan memberitahu Abraham bahawa mereka akan melawat Sodom untuk melihat jika dosa Sodom adalah sebesar apa yang diberitahukan kepada-Nya. Abraham merayu kepada Tuhan untuk menyelamatkan Sodom jika beberapa orang benar didapati di sana.

Petikan Alkitab

Kejadian 18

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum - Kejadian 18:16-33.

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 12 - Abraham Merayu bagi pihak Sodom.

Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Allah ialah hakim yang benar. Dia akan ke Sodom sendiri untuk melihat sendiri jika dosa mereka sebesar aduan terhadap mereka. Hidup setiap manusia adalah berharga bagi-Nya. Dia juga tidak akan memusnahkan orang-orang yang benar bersama dengan orang-orang yang kejam di Sodom. Selain itu, bantu kanak-kanak untuk melihat bahawa Tuhan berbicara kepada Abraham sebagai seorang sahabat. Adakah Abraham mengubah fikiran Tuhan? Tidak. Bantu kanak-kanak untuk memahami bahawa Tuhan membantu Abraham untuk menyedari bahawa kekejaman Sodom tidak boleh dibiarkan tanpa dihakimi, tetapi Dia sangat berbelas kasihan dan akan menyelamatkan yang benar.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 12 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 12.

Ayat Hafalan

“Aku telah memilih dia agar dia memerintahkan anak-anak serta kaum keluarganya untuk memelihara jalan TUHAN dengan melakukan yang benar dan adil. Dengan demikian, TUHAN memenuhi apa yang telah dijanjikan-Nya kepada Abraham.”

Kejadian 18:19

Pelajaran daripada Cerita

1. Tuhan berbicara kepada Abraham seperti seorang sahabat memberitahu tentang rancangan masa hadapan-Nya dan membenarkan Abraham untuk berbincang dengan-Nya untuk menyelamatkan Lut.
2. Cerita ini juga menunjukkan betapa Tuhan menghargai kehidupan manusia. Tuhan datang sendiri untuk melihat betapa berdosa Sodom sebelum Dia menghukum mereka. Dia menunjukkan ini kepada Abraham supaya Abraham akan mengajar anak-anaknya tentang Cara Tuhan.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

1. Mengapa Tuhan memberitahu Abraham apa yang dirancang-Nya untuk dilakukan terhadap Sodom? Mengapa Tuhan membenarkan Abraham untuk merayu kepada-Nya untuk Sodom? Apakah yang dapat kita pelajari di sini?
2. Bantu kanak-kanak untuk memahami bahawa biarpun Tuhan itu tidak memiliki had dan sangat berkuasa, ia menyenangkan-Nya apabila Dia berbicara kepada umat-Nya seperti seorang sahabat dan seorang Guru yang baik. Kita harus peka apabila mendengar Tuhan berbicara kepada kita sama ada melalui Alkitab, atau melalui sahabat Kristian atau di dalam hati kita.

Respon dan Doa

Ucapkanlah terima kasih kepada Tuhan kerana kita boleh berbicara kepada Tuhan seperti seorang sahabat dalam nama Yesus.

Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)

Kenali: 1. pokok oak 2. roti 3. anak lembu

Peringkat 2 (umur 7-8)

Aktiviti 1: Ayat-ayat berikut perlu diwarnakan:
- Tiga orang yang istimewa yang datang untuk melawat Abraham ...
- Tuhan memberitahu Abraham rancangan-Nya ...
- Lut masih tinggal di Sodom ...
- Tuhan tidak akan memusnahkan Sodom jika ...


Peringkat 3 (umur 9-10)

Bincangkan: Jawapan-jawapan yang boleh diterima:

- Supaya Abraham akan mengetahui fikiran Tuhan dan mengajar anak-anaknya tentang cara Tuhan.
- Kerana Tuhan ialah Tuhan yang berbelas kasihan, ingin menunjukkan bahawa Dia (Tuhan) adalah benar. Kerana Tuhan ingin menunjukkan bahawa Dia (Tuhan) berbicara dan mendengar seperti seorang sahabat.
- Kita boleh mempelajari tentang apakah perasaan Tuhan tentang kejahatan dan dosa, tetapi juga tentang belas kasihan-Nya. Kita boleh mempelajari daripada Abraham tentang bagaimana untuk berbicara/berdoa kepada Tuhan.

Teka silang kata:

Menegak - 1. Benar 2. Khemah 3. Makanan
Melintang - 4. Bersalah 5. Sukar 6. Merayu



Peringkat 4 (umur 11-12)

Abraham merayu bagi pihak Sodom: benar, perjanjian, jahat

Siapa? Apa? Di mana? 1. pokok-pokok 2. tepung, roti
3. Sodom dan Gomora 4. enam

Ya dan Tidak!: 'X' harus dilukis di atas:

Tuhan, saya telah habis menggunakan wang poket saya ... tolong beritahu ibu saya untuk berikan saya lagi! Tuhan, tolong balas dendam untuk saya!

Jawapan untuk Kuiz Multimedia

- C Rujuk Kej 18:1
- C Rujuk Kej 18:7
- Betul Rujuk Kej 17:16 dari cerita yang lepas
- Betul Rujuk Kej 18:12
- Salah Tidak ada rekod yang mengatakan apa yang dilakukannya
- C Rujuk Kej 18:1
- B Rujuk Kej 18:32

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan Perbincangan dalam Multimedia

- Mengapa Tuhan Allah datang untuk melawat Abraham? Dan mengapa mereka datang dalam bentuk manusia?
Tanyakan kepada kanak-kanak tentang soalan ini dan dengarkan respon mereka.
Tuhan telah berbicara kepada Abraham melalui penglihatan dan mimpi. Dia juga telah berbicara kepada Abraham sebagai Tuhan yang tidak kelihatan di langit. Mengapakah sekarang Tuhan datang dan melawat Abraham dan berbicara kepadanya dalam bentuk manusia?
Beberapa perkara untuk difikirkan:

 - Tuhan mengasihi Abraham
 - Tuhan menginginkan persekutuan bersama Abraham seperti dengan seorang sahabat ... sama dengan cara Dia bersekutu bersama Adam di Taman Eden, sebelum Adam berdosa.
 - Yesus datang dalam bentuk manusia
- Mengapa Tuhan mengizinkan Abraham untuk merayu kepada-Nya? Sedangkan Tuhan mengetahui segala sesuatu dan tidak mengubah fikiran.
Tuhan yang menciptakan langit dan bumi, dunia dan hidupan di dunia, adalah benar-benar Tuhan yang sangat berkuasa. Kita tidak mampu memahami fikiran-Nya, seperti seekor cicak tidak dapat menghargai Mozart, atau seekor belalang tidak dapat memahami Seni klasik. Tuhan memilih untuk menghadkan diri-Nya dalam bentuk manusia supaya manusia dapat berkomunikasi dengannya dengan lebih baik. Dia gemar untuk mengadakan persekutuan dengan mereka yang mengasihi-Nya.
- Apakah yang kita pelajari tentang sifat Tuhan dalam cerita ini?

 - Tuhan ialah Tuhan yang pengasih. Dia datang secara peribadi untuk melawat Abraham dan Sarah.
 - Dia ialah Tuhan yang adil. Dia akan melihat sendiri jika Sodom dan Gomora benar-benar sejahat seperti seruan yang telah sampai kepada-Nya. Kemudian barulah Dia akan menjalankan penghakiman-Nya.

Pelajaran 13: Apa yang berlaku di Sodom dan Gomora

(Kejadian Jil. 1 bab 13)

Tema/ Gambaran Keseluruhan Cerita:

Dua malaikat tiba di Sodom dan menyaksikan betapa berdosa orang-orang Sodom. Lut mengenali dua pelawat dari syurga itu dan memberikan mereka tempat tinggal. Ketika orang-orang Sodom mengarahkan Lut untuk menyerahkan dua orang pelawatnya kepada mereka, Lut menawarkan dua orang anak perempuannya. Orang Sodom itu menolak tawaran anak perempuan Lut dan meminta dua pelawat itu. Kemudian malaikat-malaikat itu memutuskan bahawa mereka telah cukup melihatnya dan menggunakan kuasa luar biasa mereka untuk menyelamatkan Lut sebelum penghakiman Tuhan jatuh ke atas Sodom.

Petikan Alkitab
Kejadian 19:1-29.

Pembacaan Umum
Cadangan pembacaan umum - Kejadian 19:15-29.

Aktiviti-aktiviti
Mainkan multimedia untuk Cerita 13 - Apa yang Berlaku di Sodom dan Gomora.

Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Kita meneruskan tema Tuhan sebagai hakim yang benar. Dia menyaksikan dosa Sodom dan menyelamatkan Lut. Tetapi mereka yang masih meneruskan keinginan untuk pulang semula ke jalan mereka yang jahat akan dimusnahkan. Inilah apa yang berlaku kepada tunangan-tunangan anak-anak Lut. Mereka telah diberikan amaran tetapi menolak untuk mempercayainya. Isteri Lut yang telah diselamatkan tetapi tidak taat kepada perintah Tuhan, berpaling semula untuk melihat Sodom dan telah bertukar menjadi tiang garam. Tuhan telah memanjangkan belas kasihan yang besar untuk orang-orang ini tetapi desakan mereka dalam ketidaktaatan kepada Tuhan membawa kepada penghakiman kepada diri mereka sendiri. Walaupun Lut memiliki banyak kelemahan, penyelamatan Tuhan masih menyelamatkannya.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 13 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 13.

Ayat Hafalan

Penyelamatan orang yang benar adalah daripada TUHAN; Dia ialah kekuatan mereka pada waktu kesusahan.

Mazmur 37:39

Pelajaran daripada Cerita

1. Kemusnahan Sodom dan penyelamatan Lut menunjukkan keadilan dalam penghakiman Tuhan. Dia menyelamatkan yang benar tetapi menghukum yang jahat.
2. Nasib isteri Lut menunjukkan betapa bodohnya untuk mengabaikan amaran Tuhan atau untuk tidak mentaati firman Tuhan.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

1. Pada pendapat kamu mengapa Lut berasa ragu-ragu untuk meninggalkan Sodom? Apakah yang seharusnya kita lakukan apabila kita mengetahui bahawa Tuhan telah memerintahkan kita untuk melakukan sesuatu, terutamanya untuk kebaikan kita sendiri?
2. Mengapakah isteri Lut menoleh ke belakang? Bilakah kita menjadi seperti isteri Lut? Bagaimanakah kita dapat meminta pengampunan Tuhan?


Respon dan Doa

Ingatkan kanak-kanak bahawa Yesus ialah janji Tuhan untuk penyelamatan kita. Bantu kanak-kanak untuk berdoa dan menerima Yesus sebagai penyelamat mereka dan Tuhan mereka.


Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)

Kenali:



Lari! (mez):



Tindakan: jawapan-jawapan yang boleh diterima - dia tidak mahu meninggalkan rumahnya di Sodom, dia tidak berasa sesuatu yang tidak baik akan berlaku kepadanya, dia tidak mempercayai arahan Tuhan.

Peringkat 2 (umur 7-8)

Aktiviti 1: 1. Betul 2. Salah 3. Salah 4. Betul 5. Salah

Aktiviti 2: Jawapan-jawapan yang boleh diterima: Saya berpendapat isteri Lut menoleh ke belakang kerana dia masih menyayangi/merindukan rumahnya di Sodom, dia tidak mahu meninggalkan Sodom, dia tidak mempercayai amaran Tuhan untuk tidak menoleh ke belakang.

Peringkat 3 (umur 9-10)

Aktiviti 1: 'X' harus diletakkan dalam kotak (dari kiri ke kanan) 1, 4, dan 5

Aktiviti Permainan: Arahan guru - Dua cara untuk bermain permainan ini: 1) Bahagikan kelas kepada 3 atau 4 kumpulan bergantung kepada bilangan kanak-kanak. Satu kumpulan perlu berjalan dari hujung kelas ke hujung yang satu lagi tanpa melihat ke belakang. Pada masa yang sama, kumpulan kanak-kanak yang lain berdiri di 'garis permulaan' dan perlu cuba untuk mengganggu kumpulan yang pertama untuk membuatkan mereka menoleh ke belakang. Mereka yang menoleh ke belakang perlu berhenti bergerak pada masa itu juga. Ambil giliran untuk setiap kumpulan.

2) Kemaskan bilik daripada semua halangan seperti kerusi, meja. Atau lakukan permainan ini di sebuah bilik kosong, atau ruang yang terbuka. Berikan arahan kepada kanak-kanak di mana jika mereka mendengar nama mereka dipanggil, mereka tidak boleh menoleh ke belakang. Sekarang, minta kanak-kanak untuk berbaris dalam satu garisan dan untuk berjalan ke depan dan belakang dari satu sudut bilik ke satu sudut yang lain dengan kelajuan biasa. Biarkan mereka lakukan ini untuk seketika tanpa perubahan pada arahan, sehingga mereka mula menjadi bosan. Kemudian mula sebutkan nama-nama secara rawak. Kanak-kanak yang lupa akan arahan untuk tidak menoleh ke belakang perlu berhenti bergerak pada masa itu jugak.

Peringkat 4 (umur 11-12)

Kota Sodom:

1. kerana kejahatannya
2. Lut dan keluarganya; orang-orang benar
3. anak menantu Lut/ lelaki-lelaki yang akan berkahwin dengan anak-anak perempuannya
4. menoleh ke belakang; berhenti
5. hanya Lut dan dua orang anak perempuannya

Isteri Lut:

Dia berubah menjadi tiang garam.

(b) ialah jawapan yang paling kuat.

(a) ialah jawapan yang berkemungkinan tetapi agak lemah. (Guru perlu menekankan fakta di mana kita perlu mentaati Tuhan biarpun kita terlalu ingin tahu tentang dosa)

Jawapan untuk Kuiz Multimedia

- | | | | |
|----------|---|-------|-----------------|
| 1. B | Rujuk Kej 18:1 | 7. E | Rujuk Kej 18:32 |
| 2. C | Rujuk Kej 18:7 | 8. A | Rujuk Kej 19:11 |
| 3. Salah | Rujuk Kej 17:16
dari cerita sebelum ini | 9. E | Rujuk Kej 19:13 |
| 4. Betul | Rujuk Kej 18:12 | 10. B | Rujuk Kej 19:14 |
| 5. Salah | Tidak ada rekod yang mengatakan bahawa dia melakukannya | 11. C | Rujuk Kej 19:24 |
| 6. Betul | Rujuk Kej 18:7 | 12. A | Rujuk Kej 19:26 |
| | | 13. C | Rujuk Kej 19:23 |

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Mengapakah Tuhan menyelamatkan Lut?
Tanyakan kanak-kanak tentang pendapat mereka tentang soalan ini. Beberapa perkara untuk dipertimbangkan:
 1. Demi Abraham. Rujuk Kej 19:29.
 2. Mungkin juga kerana Lut, untuk semua kesalahannya, masih mempercayai dan meyakini Tuhan.
2. Mengapakah isteri Lut menoleh ke belakang?
Sekali lagi, menarik untuk bertanya pendapat kanak-kanak tentang soalan ini.
Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:
 1. Dia tidak mentaati perintah yang jelas daripada Tuhan. Rujuk Kej 19:17
 2. Dia merindukan Sodom, kehidupan dan harta yang dimilikinya di Sodom.
3. Apakah yang kita boleh belajar daripada cerita tentang hukuman Tuhan ini?
Rujuk pada objektif pelajaran di muka surat sebelum ini.
4. Apakah sikap kita yang sepatutnya apabila kita mendengar perintah yang jelas daripada Tuhan?
Kamu boleh menyimpulkan cerita ini dengan membandingkan sikap Lut dengan Abraham. Abraham sentiasa mendengar dan taat kepada Tuhan.

Pelajaran 14: Ujian bagi Abraham

(Kejadian Jil. 1 bab 14)

Tema/ Gambaran Keseluruhan Cerita:

Tuhan memberikan Abraham sebuah ujian. Dia perlu mempersembahkan Ishak sebagai satu korban. Abraham bersedia untuk mentaati Tuhan tetapi sebelum dia menyelesaikan korban itu dia dihentikan oleh satu malaikat Tuhan. Tuhan kemudiannya menyediakan seekor domba untuk Abraham sebagai korban.

Petikan Alkitab

Kejadian 21 dan 22.

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum - Kejadian 22:1-19.

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 14 - Ujian bagi Abraham.

Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Bantu kanak-kanak untuk mempelajari bahawa Tuhan menginginkan kita untuk mengasihi-Nya lebih daripada apa-apa sahaja yang lain. Yang kedua, Tuhan telah menyediakan domba untuk dikorbankan bagi kita dengan mengutus Yesus untuk mati di kayu salib untuk dosa kita. Kita memperoleh pengampunan dengan meletakkan iman dan kepercayaan kita dalam Yesus.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 14 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 14.

Ayat Hafalan

TUHAN cahayaku dan penyelamatanku - siapa perlu kutakuti?
TUHAN kekuatan hidupku - siapa harus aku gentar?

Mazmur 27:1

Pelajaran daripada Cerita

1. Kelahiran Ishak membawa ketegangan di antara Hagar dan Sarah. Abraham risau akan Ismael, tetapi Tuhan memberitahu Abraham untuk melakukan apa yang dicadangkan oleh Sarah. Tuhan akan menyediakan untuk Ismael.
2. Kesanggupan Abraham untuk mentaati Tuhan dan mengorbankan Ishak adalah bukti bahawa dia meletakkan Tuhan melebihi segala-galanya dalam hidupnya.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

1. Apakah yang dapat kita pelajari daripada tindakan Abraham dalam cerita ini? Bagaimanakah Abraham mempercayai Tuhan di sini?
2. Tuhan menyediakan domba untuk korban. Korban ini hanyalah satu gambaran untuk apa yang Tuhan akan sediakan selepas itu sebagai korban yang sempurna dan terbesar bagi dosa kita iaitu anak-Nya sendiri - Kristus Yesus.


Respon dan Doa

Berterima kasihlah kepada Tuhan kerana memberikan Yesus untuk menebus dosa-dosa kita dan menerima-Nya sebagai Tuhan kita.

Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)

Ketahui:



Peringkat 2 (umur 7-8)

Aktiviti 1:

4. Malaikat Tuhan menghentikan Abraham daripada menyakiti Ishak.
3. Ishak bertanya kepada bapanya di manakah domba untuk dikorbankan.
2. Tuhan memberitahu Abraham untuk membawa Ishak ke sebuah gunung dan mengorbankannya.
1. Abraham dan Sarah mengadakan sambutan ketika Ishak bercerai susu.

Peringkat 3 (umur 9-10)

Kuiz aneka pilihan: 1. A 2. B 3. A 4. C 5. B
6. D 7. D 8. B

Peringkat 4 (umur 11-12)

Apakah yang hilang? Kanak-kanak melukis

- 1) pisau di tangan Abraham
- 2) tali di pergelangan tangan Ishak
- 3) batu yang hilang daripada mezbah
- 4) tongkat kayu di tangan malaikat

Padankan nombor dengan huruf: 1. c 2. b 3. e
4. d 5. a

Selesaikan kod ini: "pastilah Aku memberkatimu dan pastilah Aku memperbanyak keturunanmu seperti bintang di langit dan seperti pasir di tepi laut. ... kerana kamu telah mematuhi kata-kata-Ku."

Tindakan: Seekor domba
Yesus

Jawapan untuk Kuiz Multimedia

1. E Rujuk Kej 21:20
2. B Rujuk Kej 21:20
3. A Rujuk Kej 21:27
4. D Rujuk Kej 21:33
5. E Rujuk Kej 22:2
6. C Rujuk Kej 22:13
7. E Rujuk Kej 22:3

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Apakah yang difikirkan oleh Abraham dan Sara ketika Ishak lahir?
Beberapa perkara untuk dipertimbangkan:
 1. Mereka sudah sangat tua. Abraham berumur 100 tahun dan Sarah berumur 90 tahun. Selama mana lagikah mereka dapat bersama-sama anak mereka.
 2. Selama manakah masa yang Abraham ada untuk mengajarkan Ishak jalan-jalan Tuhan dan untuk menjadi pemimpin dalam kalangan mereka.
 3. Adakah mereka sempat hidup untuk melihat Ishak menjadi seorang dewasa?
2. Apakah perasaan Abraham apabila dia disuruh untuk mempersembahkan Ishak sebagai korban di suatu tempat yang jauh di wilayah Moria?
Beberapa perkara untuk dipertimbangkan:
Secara manusiawi, kita hanya boleh memikirkan tentang semua perkara negatif yang pastinya dirasakan oleh Abraham. Kamu boleh meminta kanak-kanak untuk memberikan pkamungan mereka di sini.
Tetapi Ibrani 11:17-19 mengatakan bahawa Abraham percaya bahawa "... Allah berkuasa membangkitkannya daripada kematian; dan secara perlambangan dia telah menerimanya semula daripada kematian."
3. Apakah perasaan Ishak apabila dia sedar bahawa bapanya hendak membunuh dia dan mempersembahkannya sebagai korban? Apakah yang dilakukan oleh Ishak?
Tidak ada rekod tentang Ishak bergelut ingin melarikan diri daripada kematian.
4. Apakah yang diajarkan tentang Tuhan dalam cerita ini?
Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:
 1. Dia mahu Abraham membuktikan kasihnya untuk Tuhan adalah tidak sama dengan semua yang lain.
 2. Dia sangat berbelas kasihan kepada Abraham Dia menyelamatkan Ishak.

Melalui Abraham, Tuhan akan membawa penyelamatan kepada dunia. Salah satu daripada keturunan Abraham ialah Mesias. Orang-orang daripada pelbagai bangsa akan diberkati melalui Yesus Kristus.

Pelajaran 15: Ishak dan Ribka

(Kejadian Jil. 2 bab 1)

Tema/Gambaran Keseluruhan Cerita:

Sarah sudah tua dan meninggal dunia. Ishak kini sudah dewasa dan bersedia untuk berkahwin. Abraham tidak mahu dia berkahwin dengan orang Kanaan. Oleh itu dia menghantar hamba yang paling dipercayainya untuk kembali ke Haran untuk mencari seorang isteri daripada saudara mereka di sana. Ketua hamba itu berdoa dan percaya kepada Tuhan untuk membantunya mencapai misinya.

Petikan Alkitab

Kejadian 23:1-25:28

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum - Kejadian 24:12-28.

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 1 - Ishak dan Ribka.

Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Bantu kanak-kanak untuk belajar mempercayai Tuhan seperti yang dilakukan oleh Abraham dan ketua hambanya.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 1 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 1.

Ayat Hafalan

TUHAN meredai mereka yang takut kepada-Nya, mereka yang mengharapkan kasih setia-Nya.

Mazmur 147:11

Pelajaran daripada Cerita

1. Abraham mempercayai Tuhan untuk menolong hambanya untuk mencari perempuan yang tepat untuk menjadi isteri anaknya.
2. Hamba Abraham membuktikan dirinya seorang hamba yang setia dan bernilai. Dia mempercayai Tuhan untuk membantunya mencari orang yang tepat untuk menjadi isteri Ishak.
3. Ribka sanggup meninggalkan rumahnya dan orang-orang yang dikasihinya untuk berkahwin dengan orang asing di tempat yang jauh.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

1. Kita seharusnya belajar untuk meletakkan kepercayaan kita sepenuhnya dalam Tuhan seperti yang dilakukan oleh Abraham dan hambanya yang setia.
2. Tuhan tidak akan mengecewakan kita jika kita belajar untuk mempercayai-Nya dan mencari pimpinan-Nya.

Respon dan Doa

Berterima kasih kepada Tuhan atas apa yang disediakan-Nya, perlindungan-Nya dan kerana menjaga masa hadapan kita.


Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)

Kenali:



Perigi:



Peringkat 2 (umur 7-8)

Aktiviti 1: 1. Kanaan 2. mata air
3. Ribka 4. kembar
5. bangsa

Aktiviti 2:

Hamba: Tolong berikan saya sedikit air daripada buyungmu
Ribka: Minumlah, tuan.

Berbincang tentangnya:

4. Dia berdoa/meminta daripada Tuhan untuk satu kamu; mempercayai Tuhan

Peringkat 3 (umur 9-10)

Mencari perkataan:

1. Ishak 2. Minuman 3. Mempercayai 4. Orang asing 5. Unta
6. Ribka 7. Layak 8. Hamba 9. Setia 10. Bersendiri

B	E	R	T	U	I	K	O	L	P	M	S
E	U	H	G	R	F	E	O	E	R	E	R
R	H	S	A	K	B	I	R	R	C	M	C
S	B	M	I	N	U	M	A	N	R	P	V
E	O	U	S	E	R	E	N	A	T	E	W
N	P	X	H	S	H	T	G	D	Y	R	B
D	S	A	A	L	A	Y	A	K	U	C	G
I	E	R	K	I	M	G	S	T	H	A	Y
R	T	E	T	O	B	T	I	R	B	Y	X
I	R	E	T	U	A	U	N	T	A	A	A
A	S	S	U	I	T	E	G	C	R	I	E

Peringkat 4 (umur 11-12)

Apakah cabarannya: 1. b 2. a

Berapakah buyung air?: 9

Jaminannya: Tuhan akan menghantar malaikat-Nya untuk memimpin kita

Jawapan untuk Kuiz Multimedia

- | | | | |
|----------|-------------------------|-----------|----------------------|
| 1. C | Rujuk Kejadian 23:1-2 | 11. B | Rujuk Kejadian 25:17 |
| 2. C | Rujuk Kejadian 23:17-18 | 12. E | Rujuk Kejadian 25:17 |
| 3. D | Rujuk Kejadian 23:17-18 | 13. B | Rujuk Kejadian 25:20 |
| 4. E | Rujuk Kejadian 23:15 | 14. Salah | Rujuk Kejadian 25:5 |
| 5. B | Rujuk Kejadian 24:10 | 15. Betul | Rujuk Kejadian 25:9 |
| 6. A | Rujuk Kejadian 24:24 | 16. C | Rujuk Kejadian 25:10 |
| 7. B | Rujuk Kejadian 24:29 | 17. C | Rujuk Kejadian 24:61 |
| 8. D | Rujuk Kejadian 25:1 | 18. E | Rujuk Kejadian 25:20 |
| 9. Betul | Rujuk Kejadian 25:2 | | |
| 10. D | Rujuk Kejadian 25:7 | | |

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan Perbincangan dalam Multimedia

- Apakah sebabnya penting bagi Abraham untuk mencari isteri anaknya Ishak daripada kalangan bangsanya sendiri?
Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:

 - Iman Abraham dalam Tuhan adalah tidak berbelah-bahagi. Dia pasti bahawa Tuhan yang telah menjanjikannya harta pusaka di tanah itu, akan menyediakan seorang isteri bagi anaknya.
 - Dia berazam dan akan melakukan apa sahaja yang berada dalam kuasanya untuk melaksanakan perintah Tuhan yang dinyatakan kepadanya. Tekankan 24:6. Ishak seharusnya tidak dibawa balik. Tidak ada jalan kembali bagi misi untuk menuntut Tanah yang Dijanjikan ini.
 - Terdapat sebuah ajaran yang konsisten dalam Alkitab untuk berkahwin hanya di antara umat Tuhan. Rujuk Ulangan 7:3,4; 1 Korintus 7:39 dan 2 Korintus 6:14.
- Daripada cerita ini, apakah yang kita belajar daripada sifat ketua hamba Abraham?

 - Kepatuhan, kesetiaan dan ketaatan kepada tuannya Abraham.
 - Kepercayaan dan kebergantungan kepada Tuhan untuk melakukan sebuah tugas yang sangat sukar dan tidak pasti.
- Apakah yang menyebabkan Ribka bersetuju untuk pergi ke negara jauh dan berkahwin dengan Ishak, seorang yang belum pernah ditemuinya?
Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:

 - Tidak mustahil Ribka juga mengetahui tentang janji yang Tuhan telah lakukan kepada Abraham, memkamungkan Abraham ialah seorang saudara. Mungkin dia memahami bahawa dia mempunyai sebuah peranan untuk dimainkan demi menggenapi janji ini ketika hamba Abraham datang untuk membawanya menjadi isteri Ishak.
 - Ini menunjukkan iman dan kepercayaan Ribka sendiri dalam Tuhan.
- Apakah yang diajarkan oleh cerita ini tentang Tuhan?

 - Daripada kisah tentang hamba Abraham, kita dapat mempelajari bahawa Tuhan boleh memberikan jawapan yang kita cari jika kita percaya kepada-Nya.
 - Daripada kisah Ribka, kita mempelajari bahawa biarpun Tuhan itu penuh kuasa, Dia menginginkan kita untuk menyertai-Nya dalam menggenapi rencana dan janji yang Dia sediakan bagi kita.

Pelajaran 16: Yakub dan Esau - Cerita Hak Anak Sulung

(Kejadian Jil. 2 bab 2)

Tema/Gambaran Keseluruhan Cerita:

Hak anak sulung Esau adalah untuk menjadi pemimpin masa depan dalam keluarganya selepas Ishak meninggal dan untuk membawa berkat-berkat dan tanggungjawab dalam Janji terhadap keturunan Abraham dan Ishak. Namun begitu, dia mengambil ringan akan perkara ini dan tidak menunjukkan rasa hormat terhadap hak anak sulung ini. Yakub membohongi Esau tentang hak anak sulungnya dan pergi ke kota lain untuk melarikan diri daripada kemarahan dan dendam Esau.

Petikan Alkitab

Kejadian 25:19-34 dan 27:1-41.

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum - Kejadian 24:12-28

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 2 - Yakub dan Esau.

Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Bantu kanak-kanak untuk mempelajari bahawa apa sahaja bakat yang mereka ada, mereka seharusnya melakukan yang terbaik untuk menggunakannya bagi kemuliaan Tuhan. Mereka juga perlu melakukan apa sahaja tanggungjawab yang dengan jelasnya telah diberikan kepada mereka dengan rajin dan sukacita.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 2 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 2.

Ayat Hafalan

Berbuat jahat bagaikan permainan orang bodoh, tetapi hikmah ialah kegemaran bagi orang yang berpengertian. Amsal 10:23

Pelajaran daripada Cerita

1. Esau menunjukkan rasa tidak peduli terhadap hak anak sulungnya, yang membawa bersamanya berkat dan tanggungjawab janji dan kepimpinan terhadap umat Tuhan. Tuhan membangkitkan pemimpin yang lain untuk menggantikan tempatnya.
2. Ribka dan Yakub berpakat untuk mencuri hak anak sulung Esau.
3. Hak anak sulung bersama dengan tanggungjawab kepimpinannya dan janji-janjinya diberikan kepada Yakub. Perkara ini menyebabkan ketidakharmonian yang besar dalam keluarga ini tetapi Tuhan itu Maha Kuasa dan menggunakan kelemahan manusia untuk membawa kepada tujuan-Nya.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

1. Apakah sikap kita yang seharusnya kepada satu tanggungjawab atau satu bakat yang Tuhan telah berikan kepada kita? Kita perlu berdoa untuk kebijaksanaan untuk melakukan peranan atau tanggungjawab kita dengan cara yang menyenangkan Tuhan.
2. Apa yang dilakukan oleh Ribka dan Yakub itu salah. Biarpun dia tidak menyukai perlakuan Esau, dia sebenarnya boleh berdoa dan meminta Tuhan menunjukkan kepadanya apakah yang perlu dilakukannya.

Respon dan Doa

Bantu kanak-kanak untuk berdoa supaya mereka akan mengenal pasti bakat, kemahiran atau tanggungjawab yang Tuhan telah berikan kepada mereka dan kemudian minta Tuhan untuk membantu mereka melakukan apa yang diminta daripada mereka.

Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)

Kenali:

Bapa	Ibu	Abang	Adik
Ishak	Ribka	Esau	Yakub

Peringkat 2 (umur 7-8)

Mencari perkataan: 1. Hak anak sulung 2. Yakub

3. Bubur 4. Berkat

Bakat yang berbeza: Esau ialah seorang pemburu.

Yakub ialah seorang tukang masak.

Kuiz pantas: 1. Tidak 2. Tidak

Peringkat 3 (umur 9-10)

Susun semula setiap perkataan dan tuliskan di atas garisan:

1. hak anak sulung
2. ibu
3. sedap

Aneka jawapan:

1. C Ishak
2. D Esau
3. C Yakub
4. D Yakub
5. C Esau

Aplikasi: (dngan siruse) - dengan serius
(mnnaiuneka) - menunaikan

Peringkat 4 (umur 11-12)

Kesalahan: Ribka - berbohong/menipu/mencuri
Esau - tidak bertanggungjawab, tidak menghargai hak anak sulung
Yakub - berbohong/menipu/mencuri

- Betul atau salah:
1. Tidak
 2. Tidak
 3. Tidak
 4. Tidak
 5. Ya

Jawapan untuk Kuiz Multimedia

1. Salah Rujuk Kej 25:27
2. Betul Rujuk Kej 25:27
3. Betul Rujuk Kej 25:25
4. Betul Ini ialah soalan pilihan. Ia diambil daripada Kej 26:1
5. Salah Ini ialah soalan pilihan. Ia diambil daripada Kej 26:1
6. A Ini ialah soalan pilihan. Ia diambil daripada Kej 26:7
7. Salah Ini ialah soalan pilihan. Ia diambil daripada Kej 26:9
8. Betul Rujuk Kej 27:43
9. C Rujuk Kej 25:26
10. B Rujuk Kej 25:26 (Ingat bahawa mereka adalah kembar)
11. E Rujuk Kej 27:1
12. B Rujuk Kej 27:27-29 dan Kej 27:37

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Mengapa Esau tidak mementingkan haknya sebagai anak sulung?

Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:

Dalam Kej 25:34 telah direkodkan bahawa 'Esau meremehkan haknya sebagai anak sulung'. Alkitab tidak berkata dengan tepat alasan bagi sikap ini tetapi terdapat beberapa pembayang.

- Dia sering kali melakukan keputusan berdasarkan keperluan atau keinginan semasa.
- Dia tidak mempertimbangkan kesan jangka panjang yang akan ditimbulkan dalam hidupnya selepas itu.
- Kej 26:34 memberitahu kita bahawa Esau berkahwin dengan dua orang isteri yang merupakan orang Het. Ini telah menjadi punca kesedihan bagi Ishak dan Ribka. Jelasnya dia tidak mempedulikan perasaan ibu bapanya. Ishak sanggup untuk mentaati bapanya, Abraham, dalam pemilihan isterinya. Tetapi Esau ialah seorang yang terburu-buru.

- Ibrani 12:14-17 memberikan kita maklumat dan komen tambahan tentang Esau. Ibr 12:16: Janganlah ada di antaramu pencabul atau menjadi durjana seperti Esau, yang menjualkan hak warisannya untuk sesuap makanan. 17 Kamu ketahui bahawa kemudiannya, apabila dia hendak mewarisi berkat itu, dia ditolak, kerana dia tidak mendapat ruang untuk bertaubat, walaupun dia memohon berkat itu dengan air mata. (AVB)

2. Mengapa Yakub menginginkan berkat hak anak sulung? Mengapa ibunya menolong dia? Hanya terdapat dua persoalan di sini, oleh itu kita perlu memecahkannya. Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:

- Bagi kanak-kanak yang lebih tua (11+), barangkali ianya penting untuk menyatakan bahawa Esau dan juga Yakub tidak memiliki kualiti yang sempurna pada awalnya. Tuhan melihat bahawa tujuan-Nya akan digenapi dengan lebih baik melalui Yakub dan kerana itu Yakub dipilih daripada permulaannya. Ini disebutkan dalam Roma 9:10-13.
- Daripada penceritaan itu, ianya kelihatan seperti Ribka ialah yang memulakan pembbohongan itu. Tetapi ketika kita membaca kisah ini ia mula menjadi jelas bahawa Yakub juga mmahu menerima berkat itu dan sama liciknya dalam membohongi bapanya.
- Tanyakan kepada kanak-kanak apakah yang berkemungkinan menjadi motif Yakub.
- Untuk Ribka, sekali lagi tidak ada motif yang jelas yang disebutkan dalam Alkitab tetapi beberapa pembayang diberikan. Kejadian 25:23 memberitahu kita bahawa ketika kembar ini lahir, dia menerima firman daripada Tuhan bahawa 'yang tua akan melayan yang muda'.
- Oleh itu ianya kelihatan seperti Ribka sama ada mencuba untuk melakukan bahagiannya untuk 'membantu Tuhan' mencapai tujuan-Nya, atau dia hanya ingin berada di pihak yang menang.
- Perkara lain yang perlu dipertimbangkan adalah dalam Kej 25:28 ia mengatakan bahawa Yakub ialah seorang yang tenang, tinggal di dalam khemah sementara Esau ialah seorang pemburu yang mahir dan suka tinggal di padang. Ishak yang suka makan hasil buruannya mengasahi Esau, manakala Ribka mengasahi Yakub.

3. Apakah 'berkat' yang diterima oleh Esau daripada Ishak ayahnya?

Esau tidak menerima apa-apa berkat yang sebenar daripada bapanya seperti yang dapat dilihat daripada komen yang diberikan dalam Ibrani 12:16-17. Dia mungkin tidak diberkati. Tanyakan kepada kanak-kanak apakah yang mereka fikirkan tetapi ingatkan mereka tentang apa yang dikatakan tentang Esau dalam buku Ibrani.

4. Esau mempunyai hak menjadi ketua keluarga untuk menggantikan ayahnya. Tetapi peranan itu diberi kepada Yakub pada penghujung cerita. Apakah sikap kita yang sepatutnya apabila Tuhan memberi kita suatu tugas?

Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:

- Bertanggungjawab dan taat kepada Tuhan.
- Bekerja keras untuk menunaikan tugas.
- Minta pertolongan daripada Tuhan jika tugas itu sukar atau jika kita takut akan tanggungjawab itu.
- Mempercayai Tuhan akan menyediakan kekuatan dan sumber untuk menyelesaikan tugas itu.
- (Bantu kanak-kanak untuk mengaplikasikan sikap ini dalam tugasan harian yang lebih kecil di rumah, sekolah atau gereja.)

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 17: Perjalanan Yakub

(Kejadian Jil. 2 bab 3)

Tema/ Gambaran Keseluruhan Cerita:

Ketika melarikan diri daripada Esau, Yakub bertemu dengan Tuhan. Tuhan memberikan Yakub penglihatan dan membuat perjanjian dengannya. Yakub berdoa tetapi memberikan pelbagai syarat. Perjalanannya ke Haran juga adalah sebuah permulaan untuk sebuah perjalanan peribadi bersama Tuhan dan untuk melaksanakan tanggungjawab dan janji-janji dalam Perjanjian itu.

Petikan Alkitab

Kejadian 27:42 - 29:12.

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum - Kejadian 28:10-22.

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 3 - Perjalanan Yakub.

Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Bantu kanak-kanak mempelajari bahawa mengenali Tuhan ialah sebuah perjalanan peribadi. Pada permulaan perjalanan ini, kita mungkin tidak yakin jika kita boleh mempercayai Tuhan, seperti Yakub berdoa dengan pelbagai syarat, tetapi semakin kita belajar untuk meyakini Tuhan, semakin kita mendapati bahawa Dia memegang janji-janji-Nya.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 3 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 3.

Ayat Hafalan

Yesus berkata kepadanya, "Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, kamu akan melihat langit terbuka dan malaikat-malaikat Allah turun naik menemui Anak Manusia."

Yohanes 1:51

Pelajaran daripada Cerita

1. Tuhan itu bersifat peribadi. Dia muncul di hadapan Yakub untuk yang pertama kalinya dan mengesahkan janji-janji dalam Perjanjian yang telah dilakukan kepada moyang Yakub. Yakub berdoa dengan sebuah doa yang bersyarat.
2. Tuhan memulakan proses untuk menyediakan Yakub untuk menjadi pemimpin bagi umat-Nya.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

1. Yakub berdoa secara terus kepada Tuhan untuk kali yang pertama. Apakah fikiran kamu tentang doanya? Pernahkah Yakub mengalami Tuhan secara peribadi sebelum ini?
2. Dalam cara apakah Tuhan membentuk kita? Bagaimanakah kita membenarkan-Nya untuk menyediakan kita?


Respon dan Doa

Bantu kanak-kanak untuk berfikir tentang mengapa mereka percaya kepada Tuhan/ datang ke gereja. Adakah ianya kerana ibu bapa mereka menginginkan mereka untuk datang ke gereja? Ajar kanak-kanak bahawa mereka boleh mengalami Tuhan untuk diri mereka sendiri dan memiliki sebuah perjalanan peribadi bersama-Nya.

Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)

Ketahui:



Peringkat 2 (umur 7-8)

Padankan:

1. Haran	4. Malaikat
2. Esau	5. menakutkan
3. batu	6. Rahel

Mimpi Yakub: Kanak-kanak melukiskan sebuah tangga dengan beberapa malaikat

Peringkat 3 (umur 9-10)

Tubuh Binatang:

Sediakan doh permainan atau tanah liat yang secukupnya bagi setiap kanak-kanak untuk dibentukkan satu bahagian daripada tubuh haiwan. Guru boleh menugaskan satu binatang bagi setiap kumpulan jika kanak-kanak tidak dapat bersetuju untuk membentukkan binatang apa.

Peringkat 4 (umur 11-12)

Satu-satunya cara: Jawapan berdasarkan Kejadian 28:20-21

Jawapan untuk Kuiz Multimedia

1. E Rujuk Kej 28:10
2. E
3. A Rujuk Kej 28:19
4. D Rujuk Kej 29:10
5. C Rujuk Kej 29:9
6. Salah Rujuk Kej 29:23-26
7. A Rujuk Kej 28:2
8. C Rujuk Kej 28:2. Padan-Aram sebenarnya ialah sebuah daerah dalam Haran – sebuah kawasan yang secara umumnya lebih besar. Tetapi yang lebih tepat adalah Laban tinggal di Padan-Aram.

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Apakah erti yang lebih dalam tentang mimpi Yakub di Betel?
 - Ia menkamukan kali pertama Tuhan muncul atau berbicara kepada Yakub secara peribadi.
 - Tuhan kini meneruskan janji-janji Perjanjian yang dilakukan kepada moyang Yakub kepada Yakub.
 - Ia menggambarkan bahawa Tuhan ialah Tuhan yang peribadi.
 - Ia adalah sebahagian daripada persediaan Yakub untuk menjadi seorang pemimpin dan untuk memenuhi tanggungjawab hak anak sulung; dia perlu mengalami dan mengenali Tuhan yang telah melakukan janji-janji Perjanjian terhadap dirinya sendiri.
 - Yesus menggunakan penglihatan Tuhan untuk menjangkau manusia dan menyediakan 'tangga' dari bumi ke syurga untuk menggambarkan misi-Nya sendiri. Rujuk Yohanes 1:51.
2. Mengapa Yakub membuat sumpah yang bersyarat kepada Tuhan? Apakah perbezaan tindak balasnya dengan tindak balas nenek moyangnya ketika Tuhan memberi mereka janji perjanjian tersebut?

Pada kemunculan yang pertama ianya kelihatan seperti Yakub sedang melakukan sebuah tawar-menawar dengan Tuhan dan juga seperti dia hanya ingin mendapatkan lebih lagi untuk dirinya daripada Tuhan. Dia pastinya tidak bertindak secara mulia seperti yang dilakukan Abraham ketika Tuhan pertama kali berbicara kepadanya dalam Kejadian 12. Bahkan bagi Ishak, ketika dia hampir dikorbankan oleh bapanya yang telah tua yang kelihatan seperti mempunyai iman yang lebih besar di mana dia membenarkan bapanya melakukan apa sahaja yang difikirkannya terbaik. Yakub agak berbeza. Apa yang dikatakannya serupa dengan bagaimana dia bertindak setakat ini.

Namun begitu, dia masih memberikan satu tindak balas yang menunjukkan beberapa janji.

Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:

 - Dia mengetahui bahawa Tuhan Allah telah melawatnya di tempat ini.
 - Dia memberi hormat kepada Tuhan dengan membina sebuah mazbah di tempat penglihatan itu.
 - Dia tidak menumpukan pada perkara-perkara yang dijanjikan tetapi pada Yang membuat janji-janji itu.
 - Dia berjanji untuk memberikan sepersepuluhan jika Tuhan membawanya kembali dengan selamat. Ini menunjukkan pengakuannya akan Tuhan sebagai Tuhannya.
 - Dia dengan benar melihat sepersepuluhan bukan sebagai hadiah tetapi sebagai satu cara untuk memberikan semula kepada Tuhan apa yang Tuhan telah berikan kepadanya.
3. Mengapa Yakub menangis tersedu-sedu semasa dia berjumpa dengan Rahel?
 - Mungkin kerana Yakub merasakan rasa lega yang besar selepas mengembara sangat jauh untuk bertemu ahli keluarga ibunya.
 - Mungkin apabila dia akhirnya berjumpa dengan Rahel dan tiba dengan selamat juga meyakinkan Yakub bahawa Tuhan benar-benar telah bersamanya dan melindunginya dalam perjalanannya.

Pelajaran 18: Yakub dan Anak-anak Perempuan Laban

(Kejadian Jil. 2 bab 4)

Tema/ Gambaran Keseluruhan Cerita:

Tuhan memberkati Yakub ketika dia bekerja untuk Laban. Laban membohongi Yakub dan membuatnya bekerja untuk beberapa tahun lagi tetapi melalui semua itu, Tuhan memberikan kekayaan kepada Yakub.

Petikan Alkitab

Kejadian 29:13 – 30:43.

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum – Kejadian 29:16-30.

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 4 – Yakub dan Anak-anak Perempuan Laban.

Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Tuhan memberikan kekayaan kepada Yakub bukan kerana dia layak mendapatnya tetapi kerana janji-janji Perjanjian-Nya kepada Abraham. Yakub berada di bawah perlindungan perjanjian dan juga kerana Yakub telah belajar untuk mempercayai Tuhan. Sesiapa sahaja di antara kita yang meletakkan kepercayaan kita kepada Yesus sebagai Raja dan Penyelamat kita juga berada dalam sebuah hubungan perjanjian dengan Tuhan dan kerana itu mampu meletakkan kepercayaan kita kepada Tuhan.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 4 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 4.

Ayat Hafalan

Dia menggagalkan rancangan orang cerdik, sehingga upaya tangan mereka tidak berhasil.

Ayub 5:12

Pelajaran daripada Cerita

Yakub yang berbohong kepada bapanya sebelum ini kini dibohongi oleh pak ciknya dalam pelayanan selama bertahun-tahun. Namun begitu melalui semua ini, Tuhan melindungi dan memberkati Yakub.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

1. Apakah beberapa perkara baik yang kamu boleh pelajari daripada Yakub? Bagaimanakah dia bertindak kepada penipuan Laban? Dia mempercayai Tuhan untuk melindungi dan menjaganya.
2. Sesiapa sahaja di antara kita yang telah meletakkan kepercayaan kita dalam Yesus sebagai Tuhan dan Penyelamat kita juga berada dalam hubungan perjanjian dengan Tuhan dan kerana itu boleh meletakkan kepercayaan kita dalam Tuhan.

Respon dan Doa

Ajar kanak-kanak untuk meminta Tuhan membantu mereka untuk berlaku jujur kepada orang lain. Ketika perkara-perkara tidak berlaku benar-benar seperti apa yang mereka inginkan, mintalah Tuhan untuk memberikan mereka kesabaran dan untuk percaya kepada-Nya.


Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)

Kenali:



Jangan Menipu!



Peringkat 2 (umur 7-8)

Aktiviti 1:

- empat belas
- membongong
- cemburu
- melindungi

Fikirkan tentangnya: Tidak

Aktiviti 2: Ruben, Lewi, Simeon, Yehuda – kepada Lea
Yusuf – kepada Rahel

- Tindakan:
- Untuk bersikap sabar/ bekerja keras/ tidak merungut
 - Menipu orang lain/ tidak berlaku jujur/ bermain lelah dengan orang lain

Peringkat 3 (umur 9-10)

Pelajari perkataan baru!: Memperdaya

Melintang: Menegak:

- Rahel
- berkahwin
- tujuh
- menipu
- ternakan
- Lea
- hamba
- Yakub

Fikiran: ketamakan; mementingkan diri sendiri

Peringkat 4 (umur 11-12)

Bekerja keras demi kasih: Lengkapi hati 3, 4 dan 5

Kejujuran ialah dasar yang terbaik: 1. a 2. b

Fikirkan tentang Laban: ketamakan, mementingkan diri sendiri

Fikirkan tentang Yakub: kesabaran

Jawapan untuk Kuiz Multimedia

- D Rujuk Kej 29:24
- A Rujuk Kej 29:29
- E
- A Rujuk Kej 29:32
- C Mereka ialah Ruben, Simeon, Lewi, Yehuda, Isakhar dan Zebulon
- A Rujuk Kej 29:30
- D Rujuk Kej 29:23
- A Rujuk Kej 29:26
- D Rujuk Kej 30:27
- D Rujuk Kej 30:25

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan

Perbincangan dalam Multimedia

1. Mengapa Laban masih menyuruh Yakub bekerja untuk dia walaupun Yakub sudah bekerja selama 14 tahun dan menunaikan janjinya untuk berkahwin dengan Lea dan Rahel? Adakah Yakub ingin kembali ke Kanaan pada waktu itu?

- Yakub sesungguhnya ingin kembali ke Kanaan seperti yang dikatakan dalam Kej 30:25-26.
- Barangkali Laban ingin Yakub untuk terus di sana dan bekerja untuk kepentingan dirinya sendiri (Laban), memkumkan Laban menyedari bahawa kehadiran Yakub telah menyebabkan Tuhan memberkatinya (Laban, ayat 27).

2. Bagaimanakah Tuhan masih giat bekerja dalam kehidupan Yakub pada waktu ini?

Yakub kelihatannya seperti dikasihani oleh pak ciknya, Laban. Namun seperti yang digambarkan dalam cerita ini kita dapat melihat bahawa Laban tidak dapat melakukan apa-apa kepada Yakub yang tidak dibenarkan oleh Tuhan.

Beberapa perkara untuk dipertimbangkan:

- Yakub memiliki dua belas orang anak daripada dua orang isteri dan dua orang hamba yang diberikan oleh Laban. Dua belas orang anak ini kemudiannya menjadi dua belas bangsa dalam Israel.
- Laban merancang untuk menggunakan Yakub tetapi pada akhirnya Yakub menjadi sangat kaya. Yakub mungkin bertindak berdasarkan kepercayaan bagi sesetengah orang di sana pada masa itu, tetapi perkara itu tidak akan berlaku sendiri. Dia mengetahui bahawa berkat Tuhanlah yang menyebabkan ternakannya bertambah dalam Kej 31:9-12.
- Tuhan juga telah memberikan amaran kepada Laban 'Awat, jangan katakan apa-apa pun, sama ada yang baik atau yang buruk kepada Yakub.' Ayat ini juga diertikan dengan Laban tidak boleh menyentuh atau membahayakan Yakub.

Pelajaran 19: Yakub kembali ke Kanaan

(Kejadian Jil. 2 bab 5)

Tema/ Gambaran Keseluruhan Cerita:

Yakub kini mempunyai 11 orang anak lelaki dan seorang anak perempuan. Dia memutuskan untuk pulang ke Kanaan dengan sedikit rasa takut terhadap pak ciknya Laban dan rasa takut yang sangat besar terhadap abangnya Esau. Melalui episod ini Tuhan menunjukkan Yakub bahawa dia tidak perlu takut kepada apa pun. Yakub bergelut dengan satu malaikat Tuhan sebelum dia bertemu dengan Esau. Tuhan mengubah namanya daripada Yakub kepada Israel. Yakub kemudiannya bertemu dengan Esau. Ketika Yakub/ Israel bertemu dengan Tuhan semula di Betel dia menyembah Tuhan dengan tanpa syarat.

Petikan Alkitab

Kejadian 31:1 – 33:19 dan Kejadian 35.

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum – Kejadian 32:22 – 32.

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 5 – Yakub Kembali ke Kanaan.

Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Bantu kanak-kanak untuk mempelajari tentang penjagaan dan perlindungan Tuhan daripada cerita ini. Bantu kanak-kanak untuk memahami kita berada di bawah perlindungan Tuhan ketika kita meletakkan kepercayaan kita dalam Yesus dan memanggil-Nya Tuhan kita. Tetapi kita juga perlu taat kepada firman-Nya dan tahu bagaimana untuk meresponinya.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 5 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 5.

Ayat Hafalan

TUHAN akan memberikan kekuatan kepada umat-Nya; TUHAN akan memberkati umat-Nya dengan kesejahteraan.

Mazmur 29:11

Pelajaran daripada Cerita

1. Yakub ingin kembali ke Kanaan tetapi Laban sangat bersifat bermusuhan. Tuhan memberi amaran kepada Laban agar tidak membahayakan Yakub dan melindungi Yakub.
2. Yakub kini bersedia untuk menerima tanggungjawab yang datang bersama hak anak sulung yang dicurinya daripada Esau. Ketika Tuhan menemuinya lagi di Betel, Yakub menyembah Tuhan tanpa syarat.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

1. Bagaimanakah kita bertindak balas kepada Tuhan apabila kita mengetahui bahawa Dia telah melindungi kita dan memerhatikan kita? Apakah yang boleh kita lakukan untuk menunjukkan rasa kesyukuran kita?
2. Bilakah kita bergelut dengan Tuhan? Adakalanya kita 'bergelut dengan Tuhan' dalam doa. Adakah kita berdoa bagi diri kita sendiri sahaja atau bagi kerajaan-Nya?


Respon dan Doa

Bantu kanak-kanak untuk berdoa bagi orang lain dan untuk kerajaan Tuhan. Bantu mereka juga untuk menyerahkan semua yang menjadi kerisauan mereka kepada Tuhan dan untuk mentaati firman-Nya.

Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)

Ketahui:



Peringkat 2 (umur 7-8)

Aktiviti 1: 1. Esau 2. bergelut
3. Israel 4. syarat

Aktiviti 2:

Kotak pertama – kanak-kanak melukiskan tangga dan malaikat
Kotak kedua – kanak-kanak melukis dua orang lelaki sedang bergelut

Peringkat 3 (umur 9-10)

Bulatkan jawapan yang betul:

- 1. bergelut
- 2. takut akan
- 3. memaafkan
- 4. Israel
- 5. Benyamin
- 6. melindungi
- 7. bergantung

Peringkat 4 (umur 11-12)

Memecahkan kod: 1. Kanaan 2. Esau
3. Israel 4. Betel
5. Rahel 6. Benyamin
7. Laban

Cara-cara Bertindak:

- 1. Lagu;
- 2. Memuji;
- 3. Doa;
- 4. Perhatian;
- 5. Korban;
- 6. Masa;
- 7. Mengasahi;
- 8. Menyembah;
- 9. Pemberian

M	R	M	E	M	U	J	I	N	I	R	P
E	E	R	T	E	Z	M	L	Q	A	E	E
N	Y	E	I	K	R	I	U	I	S	T	M
Y	T	Z	U	O	A	W	I	H	L	U	B
E	C	P	E	R	H	A	T	I	A	N	E
M	A	S	A	B	E	A	I	S	G	U	R
B	I	E	R	A	R	U	U	A	U	I	I
A	O	D	C	N	U	Y	T	G	U	P	A
H	E	R	E	I	T	Y	B	N	H	O	N
T	R	F	R	T	U	I	O	E	G	L	G
U	T	W	E	U	C	R	O	M	N	I	U

Jawapan untuk Kuiz Multimedia

- 1. B Rujuk Kej 31:19
- 2. C Rujuk Kej 32:22-31
- 3. A Rujuk Kej 32:14
- 4. B Rujuk Kej 32:14
- 5. A Rujuk Kej 32:15
- 6. C Rujuk Kej 32:25 & 32

- 7. B Rujuk Kej 32:28
- 8. D Rujuk Kej 33:1
- 9. E Rujuk Kej 32:4
- 10. E Ini ialah soalan pilihan. Rujuk Kej 36:9
- 11. A Ini ialah soalan pilihan. Rujuk Kej 35:29

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Mengapa Tuhan mengutus malaikat yang menjelma sebagai manusia untuk bergelut dengan Yakub?

Ini adalah salah satu daripada kisah yang kurang diceritakan dalam Alkitab. Ini berlaku pada waktu di mana Yakub berasa sangat terdesak. Dia berasa takut akan pertemuan ini lebih daripada pertemuan dengan Laban. Tetapi dia tidak mencuba untuk mengelak daripada pertemuan ini. Ini adalah satu lagi titik yang penting dalam hidup Yakub.

Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:

- Yakub langsung tidak mengetahui dengan siapakah dia bergelut pada mulanya. Identiti orang yang bergelut dengan Yakub didedahkan secara perlahan-lahan.
- Konflik ini ialah sebuah pelajaran yang jelas bagi Yakub di mana dia bergelut dengan seorang lelaki dan dengan Tuhan (Kej 32:28). Hakikatnya pergelutan dengan Laban atau dengan Esau tidak sedahsyat pergelutan dengan Tuhan.

2. Mengapa Yakub tidak melepaskan orang itu walaupun dia sudah disakiti pada akhir pergelutan tersebut?

Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:

- Sebaik sahaja Yakub menyedari dengan siapa dia bergelut, dia tidak mahu melepaskannya kecuali jika lelaki itu memberkatinya.
- Yakub sentiasa menjadi orang yang mengambil peluang. Tuhan telah melawatnya. Ini ialah peluang yang tidak boleh dilepaskan. Oleh itu dia meminta berkat daripada Tuhan.
- Rujuk Hosea 12:4-5.
- Adakah kita berpegang pada Tuhan dan mencari berkat-Nya dalam hidup kita?

3. Apakah pelajaran yang hendak disampaikan Tuhan kepada Yakub dan keluarganya pada waktu itu? Apakah yang kita pelajari tentang Tuhan daripada peristiwa ini?

Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:

- Yakub berasa dia tidak dapat melarikan diri lagi. Dia akan berhadapan dengan abangnya dan membiarkan Tuhan menangani akibatnya. Kini dia perlu belajar untuk mempercayai Tuhan untuk melindunginya. Imannya dalam Tuhan kini telah kelihatan. Dia percaya dia tidak mampu berhadapan dengan Esau dalam sebuah pertarungan fizikal. Takdir keluarganya berada dalam tangan Tuhan, bukan tangan Esau.
- Tanyakan kepada kanak-kanak apakah yang diajarkan oleh cerita ini tentang Tuhan.

Pelajaran 20: Yusuf dan Abang-abangnya

(Kejadian Jil. 2 bab 6)

Tema/ Gambaran Keseluruhan Cerita:

Yakub dan keluarganya kini telah pulang ke Kanaan. Yusuf, salah satu daripada anak-anaknya memiliki anugerah mimpi dan menterjemahkan mimpi. Yakub sangat mengasihi Yusuf dan ini membuatkan anak-anak lelakinya yang lain menjadi cemburu. Ketika munculnya peluang, adik-beradik itu menjual Yusuf sebagai seorang hamba kepada pedagang orang Ismael. Yusuf dibawa ke Mesir dan dijual sebagai seorang hamba.

Petikan Alkitab

Kejadian 37

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum – Kejadian 37:5 – 11.

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 6 – Yusuf si Tukang Mimpi.

Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Bantu kanak-kanak untuk mempelajari bahawa Tuhan itu memerhati pada setiap masa. Kita tidak boleh melakukan apa-apa sahaja secara bersembunyi dan menyembunyikannya daripada Tuhan. Selain itu, apabila keadaan kelihatan seperti tidak kena, Tuhan sedang memerhati dan adakalanya Dia membenarkan ianya berlaku tetapi akan menggunakannya untuk tujuan-Nya yang baik pada masa yang akan datang. Tuhan akan menggunakan Yusuf untuk memenuhi sebuah tugas yang sangat penting pada suatu masa akan datang dalam hidupnya. Tetapi sebelum perkara itu boleh berlaku, Yusuf perlu menjalani satu tempoh ujian yang sangat sukar.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 6 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 6.

Ayat Hafalan

Dia tidak mengalihkan pkamungan-Nya daripada orang benar, tetapi Dia menempatkan mereka dengan raja-raja di atas takhta untuk selama-lamanya sehingga mereka ditinggikan.

Ayub 36:7

Pelajaran daripada Cerita

Saudara-saudara Yusuf cemburu akan Yusuf. Mereka menjualnya sebagai seorang hamba. Namun, Tuhan memiliki rancangan lain dan menggunakan situasi ini untuk akhirnya memenuhi tujuan-Nya.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

1. Tuhan akan menggunakan Yusuf untuk memenuhi sebuah tugas yang sangat penting pada masa akan datang dalam hidupnya. Tetapi sebelum perkara itu boleh berlaku, Yusuf perlu menjalani sebuah tempoh ujian yang sangat sukar.
2. Kehidupan Yusuf ialah satu bayangan tentang Yesus. Yesus perlu menjalani penderitaan yang besar tetapi akhirnya akan menjadi Penyelamat bagi semua orang yang percaya. Yusuf hanya seorang manusia dan hanya mampu menyelamatkan keluarganya, manakala Yesus ialah Tuhan. Pengorbanan-Nya di kayu salib boleh menyelamatkan orang-orang dari semua bangsa dan menjadikan mereka benar dengan Tuhan.
3. Bantu kanak-kanak untuk mempelajari kesabaran dan untuk mempercayai Tuhan bahkan dalam situasi-situasi yang sukar seperti yang dilakukan oleh Yusuf dalam cerita ini.

Respon dan Doa

Bantu kanak-kanak untuk memuji Tuhan dan untuk mempercayai Tuhan pada masa senang dan juga sukar.

Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)

Kenali:



jubah



perigi



berkas gandum



binatang buas



matahari

Peringkat 2 (umur 7-8)

Ketahui cerita: Kotak-kotak perlu diletakkan nombor mengikut susunan ini secara menegak – 1, 5, 4, 2, 3.

Peringkat 3 (umur 9-10)

Kriptogram: Mimpi apa itu?

Peringkat 4 (umur 11-12)

Cerita Yusuf: 1. sebelas 2. sehelai jubah yang cantik
3. Ruben 4. tangan para pedagang orang Ismael
5. jubah yang direndamkan dengan darah

Sifat cemburu: Dosa-dosa lain (jawapan yang boleh diterima) – sifat cemburu, berbohong, menipu, membenci, mencuri, bongkak.

Jawapan untuk Kuiz Multimedia

1. D Rujuk Kej 37:3 3. A Rujuk Kej 37:21
2. B Rujuk Kej 37:2 4. C Rujuk Kej 37:28

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan

Perbincangan dalam Multimedia

1. Apakah sebabnya Yakub memberi jubah yang cantik dan bersulam kepada Yusuf?

Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:

- Yusuf ialah yang paling disayangi oleh Yakub. Penting untuk memberitahu kanak-kanak bahawa Alkitab tidak menggalakkan pilih kasih.
- Bagi kanak-kanak yang lebih tua, mungkin guru boleh menjelaskan bahawa Yusuf ialah anak Rahel yang paling tua. Yakub mengasihi Rahel daripada mulanya dan telah berniat untuk berkahwin hanya dengannya. Dia diperdaya untuk berkahwin dengan Lea oleh bapa mertuanya Laban. Ini adalah caranya untuk menunjukkan kasihnya kepada Rahel.
- Abang-abang yang lebih tua menunjukkan keperibadian mereka yang buruk. Kebanyakan daripada abang-abang ini melakukan perkara yang menyebabkan bapa mereka Yakub sangat marah terhadap mereka.

- o Simeon dan Lewi telah membunuh ramai orang di Sikhem untuk membalas dendam kepada mereka kerana menajiskan adik perempuan mereka Dina. Ini bukanlah apa yang diinginkan oleh Yakub. Kemudian kesemua anak lelaki Yakub datang dan merompak kota itu. Cerita ini diceritakan dalam Kejadian 34:1-31.
- o Kejadian 35:22 menceritakan sebuah perbuatan yang dahsyat yang dilakukan oleh Ruben. Bagaimanakah Yakub ingin menghormati anak lelakinya yang paling tua Ruben selepas apa yang telah dilakukannya?
- Jika kita mengikuti adat purba, jubah ialah sebuah tkamu bahawa dia telah memilih Yusuf untuk menjadi pewarisnya dan pemimpin bagi suku keluarga selepasnya. Terdapat satu ayat dalam 2 Samuel 13:18 di mana satu perkataan yang sama digunakan untuk menjelaskan pakaian diraja yang mahal.

2. Mengapa Ruben cuba menyelamatkan Yusuf?

Ini bukanlah sebuah soalan yang mudah untuk dijawab. Cadangan adalah agar soalan ini hanya digunakan untuk kanak-kanak yang lebih tua, 11 dan ke atas.

Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:

- Kejadian 37:19-22 menceritakan tentang sebuah percubaan yang lemah daripada Ruben untuk menyelamatkan nyawa Yusuf daripada tangan abang-abangnya sendiri.
- Ruben ialah anak lelaki Yakub yang paling tua. Kita tidak mengetahui jika Yakub pernah berniat untuk Ruben menjadi pewarisnya dan pemimpin selepasnya, tetapi selepas peristiwa dalam Kejadian 35:22, Yakub pastinya berasa jijik terhadapnya. Mungkin ini adalah cara Ruben untuk mencuba mendapatkan kembali kepercayaan bapanya.
- Yakub sangat marah terhadap Ruben dan mengungkapkan penghakimannya terhadap Ruben kerana tindakannya di tempat peraduannya dalam Kejadian 49:1-4.

3. Apakah perasaan Yakub apabila dia diberitahu bahawa Yusuf mungkin dibunuh oleh binatang buas?

Yakub mungkin berasa seperti hidupnya telah berakhir. Dia berkahwin dengan Yusuf kerana mempercayai dia telah mati, dan tidak mahu dipujuk. Dia menjadi sangat terkesan dalam kesedihannya itu.

lanya menarik untuk membincangkan apa yang Yakub rasakan tentang janji Perjanjian pada saat ini – adakah rasa sedihnya kerana Yusuf melebihi janji-janji Tuhan?

4. Apakah yang kita pelajari daripada cerita ini tentang masanya kita menghadapi masalah dan cabaran?

Minta kanak-kanak untuk membayangkan apakah rasanya menjadi seperti Yusuf – dibenci oleh adik-beradik kamu yang lain, bersendirian, dan berasa takut di dalam perigi, dikhianat oleh adik-beradik kamu yang menjual kamu kepada orang lain. Apakah yang mungkin dirasakan oleh Yusuf apabila dia terpisah daripada keluarganya?

Ajar kanak-kanak bahawa tidak kira di mana mereka berada atau dengan siapa mereka bersama, Tuhan sentiasa bersama mereka. Berikan galakan kepada mereka untuk tetapi teruja akan pelajaran-pelajaran yang akan datang tentang cerita Yusuf untuk mengetahui apa yang berlaku pada Yusuf pada akhirnya.

Kejadian Jilid 2

Pelajaran 21: Yusuf dan Potifar

(Kejadian Jil. 2 bab 7)

Tema/ Gambaran Keseluruhan Cerita:

Tuhan mengasihi Yusuf dan Potifar, tuannya menyedari akan hal ini. Tidak lama selepas itu Yusuf diberikan sebuah tanggungjawab yang besar. Tetapi godaan datang melalui isteri Potifar. Yusuf menolak godaan itu tetapi dituduh sehingga masuk ke penjara. Yusuf diperlakukan dengan cara yang salah sebanyak dua kali tetapi dia masih tetap percaya kepada Tuhan.

Petikan Alkitab

Kejadian 39:1-20

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum – Kejadian 39:1-9.

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 7 – Yusuf dan Potifar.

Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Biarpun ketika banyak hal diperlakukan dengan cara yang salah terhadap Yusuf, dia tetap percaya kepada Tuhan dan menolak godaan. Bantu kanak-kanak untuk mempelajari bahawa dalam setiap yang kita lakukan, kita seharusnya melakukan yang terbaik semampu kita seperti ianya dilakukan untuk Tuhan. Bahkan sebagai seorang hamba dan berada sangat jauh daripada keluarganya, Yusuf tetap menolak melakukan apa sahaja yang bertentangan dengan hukum Tuhan.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 7 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 7.

Ayat Hafalan

Kerana TUHAN menaungi jalan orang benar, tetapi jalan orang zalim akan binasa. Mazmur 1:6

Pelajaran daripada Cerita

1. Biarpun oleh keadaannya, Yusuf tetap percaya kepada Tuhan tentang nenek moyangnya. Tuhan memberkati Yusuf dalam segala yang dilakukannya dan tuannya menyedarinya.
2. Isteri Potifar menggodanya. Yusuf tidak menginginkan buah yang terlarang.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

1. Bagaimanakah kita kekal mempercayai, biarpun ketika situasi kita berubah daripada yang buruk kepada yang lebih buruk?
2. Apakah sikap Yusuf ketika berhadapan dengan godaan? Dia menolak melakukan apa-apa sahaja yang bertentangan dengan ajaran-ajaran Tuhan. Dia melarikan diri daripada perempuan yang menggodanya. Apakah yang dapat kita pelajari daripada tindakan Yusuf?

Respon dan Doa

Bantu kanak-kanak untuk berdoa dan meminta Tuhan bagi kebijaksanaan untuk mengetahui bilakah mereka seharusnya menahan diri dan melakukan yang terbaik untuk membawa kemuliaan bagi Tuhan dan bilakah mereka seharusnya melarikan diri daripada sebuah godaan.

Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)


Kenali:



Abang-abang Yusuf

Yusuf

Yusuf melarikan diri daripada godaan:



Tindakan: 1. Bekerja keras 2. Mengelakkan dosa

Peringkat 2 (umur 7-8)

Aktiviti 1: 1. Mesir 2. memberkati
3. Potifar 4. sejahat

Aplikasi: 1. Melarikan diri

Tindakan: melarikan diri, berdoa

Peringkat 3 (umur 9-10)

Permainan – Bertahan dalam Godaan: Bahan-bahan – sehelai cadar lama atau kain pengalas meja dan beberapa helai stoking yang digulung atau bola getah/plastik yang lembut. Di atas cadar tilam/ kain, tuliskan “Firman Tuhan”. Atau, tuliskan perkataan tersebut di atas sehelai kertas dan lekatkan atau pinkan kertas itu pada kain itu. Beberapa orang kanak-kanak berpegang pada kain itu untuk ‘melindungi’ diri mereka dan berjalan dari satu sudut bilik ke sudut yang lain. Kanak-kanak yang lain membalikkan stoking atau bola-bola itu kepada mereka. Kanak-kanak yang memegang kain tidak boleh membiarkan bola itu terkena pada tubuh mereka, hanya kain itu. Ini menggambarkan bagaimana firman Tuhan melindungi kita apabila kita mengetahuinya. Selepas itu minta kanak-kanak untuk berganti watak.

Mencari jawapan daripada kod:

setia,
tidak akan membiarkan,
jalan keluar,
kekuatan

Peringkat 4 (umur 11-12)

Buah yang terlarang: digoda, tidur

Memadankan dengan betul:

1. Orang Ismael ...
2. Perkataan ‘orang Ismael’ ...
3. Selepas itu Potifar menaikkan pangkat ...
4. Isteri tuannya berkata ...
5. Jadi bagaimana saya sanggup melakukan ...
6. Yusuf melarikan diri keluar dari...
7. Potifar menangkap Yusuf ...
5. perkara yang kejam seperti itu.
 1. membawa Yusuf ke Mesir ...
 6. rumah, tetapi tertinggalan ...
 3. Yusuf dan mengarahkannya untuk mengurus ...
 7. dan membuangnya ke ...
 4. “Yusuf, Datanglah ke sini ...”
 2. juga ialah sebuah istilah umum yang digunakan ...
7. penjara, di mana tahanan-tahanan raja ditempatkan.
3. hal rumahnya.
5. dan berdosa terhadap Tuhan?”
2. untuk menggambarkan semua pedagang Arab.
 1. dan menjualnya kepada Potifar.
 6. jubahnya.
 4. Tidur bersamaku!”

Jawapan untuk Kuiz Multimedia

1. A Baca Kej 39:1 4. E Baca Kej 39:1
2. Salah Baca Kej 39:6-7 5. E Baca Kej 39:16-20
3. Betul Baca Kej 39:17

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Mengapa Potifar menaikkan kedudukan Yusuf untuk menjadi pengurus rumah tangganya?
Rujuk Kej 39:2-5. Alkitab menekankan bahawa kerana berkat Tuhanlah Yusuf menjadi berjaya. Itu tidak bermakna Yusuf bukan seorang hamba yang bekerja keras. Hakikatnya, Yusuf mungkin ialah seorang hamba yang bekerja keras dan sangat cekap. Tetapi kerana ianya satu perkenanan kepada Tuhan, Yusuf menjadi sangat berjaya. Alkitab memberikan kita rekod ini untuk dipertimbangkan:
 - Tuhan ada bersama dengan Yusuf.
 - Dia tinggal di rumah tuannya yang merupakan orang Mesir – sebuah keistimewaan.
 - Potifar melihat bahawa Tuhan ada bersama dengannya – sebuah kesaksian yang baik.
 - Dia menjadi penolong Potifar – Potifar gembira akan bimbingan dan penyertaannya.
 - Potifar mempertanggungjawabkannya hal rumah tangganya dan semua yang dimilikinya – mempercayainya dalam hal peribadi dan hartanya.
 - Potifar melihat bahawa dia juga telah menerima berkat Tuhan kerana Yusuf dan tidak mempunyai apa-apa kerana Yusuf ada untuk menjaga segalanya.
2. Mengapa Yusuf tidak boleh melakukan permintaan isteri Potifar?
Bagi kanak-kanak yang lebih muda kamu boleh menjelaskan bahawa Yusuf tidak mahu melanggar apa yang dipercayainya sebagai hukum Tuhan iaitu untuk tidak melakukan perzinaan biarpun hukum ini hanya ditulis selepas itu oleh Musa. Merampas isteri orang lain ialah perkara yang kejam dan dosa terhadap Tuhan. Bagi kanak-kanak yang lebih tua, kamu boleh menambah beberapa perkara tambahan:
 - Mungkin Yusuf telah melihat betapa marahnya bapanya ketika Ruben melakukan hubungan intim dengan ibu tirinya, gundik bapanya.
 - Terdapat beberapa pengulas telah mengatakan bahawa jawapan Yusuf menjelaskan dirinya sebagai Adam di Taman Eden. Tuhan telah memberikan Adam kekuasaan ke atas semua perkara dan hanya melarangnya daripada buah di tengah Taman itu. Demikian juga Potifar telah menyerahkan kepada Yusuf semua perkara dalam rumahnya tetapi tidak termasuk mengadakan perhubungan dengan isterinya. Yusuf, tidak seperti Adam, tidak jatuh dalam cubaan itu.
3. Apakah yang dapat kita pelajari daripada contoh Yusuf dalam cerita ini?
Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:
 - Yusuf ialah sebuah contoh yang baik bagi seseorang yang tidak mengeluh dan merungut tentang ‘mengapa saya?’ tetapi sebaliknya dia mengambil sikap yang positif iaitu ‘apa yang saya harus lakukan sekarang?’
 - Dia tetap percaya dan terus meletakkan keyakinannya kepada Tuhan, biarpun ketika dia terpaksa dibawa ke tempat yang sangat jauh.
 - Dia menolak cubaan biarpun ketika tidak ada yang melihat.
 - Dia dihukum kerana melakukan perkara yang benar – tetapi terus percaya bahawa Tuhan akan melindunginya.

Pelajaran 22: Orang Tahanan dan Erti Mimpi

(Kejadian Jil. 2 bab 8)

Tema/ Gambaran Keseluruhan Cerita:

Yusuf dimasukkan ke dalam penjara kerana sebuah tuduhan palsu. Dia tetap percaya kepada Tuhan dan bekerja keras, dan bukannya merungut. Tidak lama selepas itu pengawal penjara menyedari kebolehnya dan memberikannya satu jawatan dengan tanggungjawab biarpun ketika berada di dalam penjara. Tidak lama selepas itu kebolehan Yusuf untuk mentafsirkan mimpi ditonjolkan ketika dua orang tahanan penjara berkongsi mimpi mereka dengannya.

Petikan Alkitab

Kejadian 39:21 – 40:23

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum – Kejadian 40:8-23.

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 8 – Orang Tahanan dan Erti Mimpi.

Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Ajarkan kanak-kanak bahawa dalam semua keadaan, kita perlu terus melakukan yang terbaik dan terus mempercayai Tuhan.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 8 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 8.

Ayat Hafalan

Kamu layak dipuji jika kerana Allah kamu tabah menanggung derita akibat perlakuan yang tidak adil.

1 Petrus 2:19

Pelajaran daripada Cerita

1. Yusuf bekerja keras dan mengagumkan orang-orang di sekelilingnya, dan bukannya merungut tentang bagaimana dia dihukum kerana sesuatu yang bukan salahnya. Bahkan pengawal penjara juga memercayainya.
2. Yusuf terus percaya kepada Tuhan. Sesungguhnya Tuhan memerhatikannya dan menyediakannya bagi sebuah tugas yang sangat penting pada masa hadapan.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

1. Ketika kita diperlakukan dengan tidak benar oleh orang lain, apakah yang dapat kita pelajari daripada Yusuf di sini? Bilakah kita berada dalam situasi seperti itu dan apakah yang kita lakukan?
2. Bagaimanakah kita dapat terus percaya kepada Tuhan dalam situasi-situasi yang sukar? Apakah janji-janji Tuhan yang boleh kita pegang?
3. Kanak-kanak yang lebih tua boleh diminta untuk bincangkan bilakah kita seharusnya menegakkan hak kita dan bilakah kita seharusnya menerima ketidakadilan yang berlaku ke atas kita.

Respon dan Doa

Mintalah Tuhan untuk mengajarkan kita untuk mampu melakukan yang terbaik dalam setiap keadaan. Bahkan ketika kita diperlakukan dengan tidak benar, kita masih boleh melakukan yang terbaik supaya dalam semua yang kita lakukan, kita membawa kemuliaan bagi nama Tuhan.

Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)

Kenali: penjara mimpi minuman

Peringkat 2 (umur 7-8)

Aktiviti 1: 1. Yusuf 3. Pengawal penjara
2. Pengurus minuman 4. Pengurus roti

Aktiviti 2:

Saya berasa marah dan tidak sabar tetapi saya tahu Tuhan sedang mempersiapkan saya. Hari ini, saya bertemu seorang pengurus minuman dan seorang pengurus roti. Saya memberitahu mereka apakah maksud mimpi mereka. Semoga pengurus minuman itu ingat untuk memberitahu Firaun untuk membebaskan saya. Itu sahaja untuk hari ini.

Bertindak: Tuhan, keras

Peringkat 3 (umur 9-10)

Aktiviti 1: Bentuk yang berwarna hitam – ayat 1, 2, 4, dan 7
Bentuk yang berwarna kuning – ayat 3, 5, dan 6

Aktiviti 2:

#_7_ Pengurus minuman lupa tentang Yusuf	#_1_ Sementara Yusuf berada dalam penjara, Tuhan ada bersama dengannya dan terus memberkatinya dan memberikan pertolongan kepadanya	#_5_ Yusuf mentafsir mimpi pengurus minuman dan pengurus roti.	#_4_ Pengurus minuman dan pengurus roti dimasukkan ke dalam penjara yang sama dengan Yusuf.
#_3_ Pengurus minuman dan pengurus roti melakukan sesuatu yang tidak disenangi oleh tuan mereka	#_2_ Yusuf dipertanggungjawabkan ke atas seluruh penjara dan semua yang berada dalamnya.	#_6_ Firaun mengembalikan semula kedudukan dahulu pengurus minuman itu, dan menggantung pengurus roti itu.	

Peringkat 4 (umur 11-12)

Yusuf mentafsir mimpi:

Gambar yang telah selesai seharusnya kelihatan seperti ini:



Yang baik daripada yang buruk:

1. Sementara Yusuf berada dalam penjara, Tuhan menunjukkan kepadanya hal tentang kebaikan.
2. Pengawal penjara mempertanggungjawabkan Yusuf untuk semua perkara di penjara itu
3. Pengawal penjara tidak memberikan perhatian tentang apa-apa ...
- 4.... kerana Tuhan ada bersama Yusuf ...

Jawapan untuk Kuiz Multimedia

1. Betul Rujuk Kej 40:21
2. Salah Rujuk Kej 40:22
3. Salah Rujuk Kej 39:23

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Mengapa pengawal penjara menjadikan Yusuf pengurus semua orang yang ditahan di dalam penjara?
 - Sekali lagi, ia adalah kerana Tuhan memerhatikan dan melindungi Yusuf, dan sesiapa sahaja yang memberikan pertolongan kepadanya. Tuhan telah menyebabkan Yusuf menjadi kegemaran pengawal penjara itu. Pengawal penjara itu mempercayai Yusuf terhadap semua perkara dalam penjara itu.
2. Bagaimana kita tahu bahawa Yusuf terus percaya kepada Tuhan?

Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:

 - Tuhan ada bersama dengan Yusuf dan menunjukkan kepadanya kebaikan dan memberikannya pertolongan.
 - Dia memberitahu pengurus minuman dan pengurus roti dalam Kej 40:8 "Bukankah tafsiran mimpi itu adalah daripada Allah?"
 - Tuhan memberikannya tafsiran yang betul bagi mimpi-mimpi pengurus minuman dan pengurus roti.
3. Bagaimana kita tahu bahawa Tuhan tetap menjaga Yusuf selama ini?

Jawapan di sini adalah sama dengan jawapan dalam soalan 2. Tuhan terus memberikan kebijaksanaan kepada Yusuf dalam melakukan tafsiran yang betul bagi mimpi-mimpi. Tuhan terus memerhatikannya, menunjukkannya kebaikan dan memberikannya pertolongan terhadap pengawal penjara.

Dalam kebanyakan kes mana-mana hamba yang dituduh melakukan hubungan seksual dengan isteri kepada tuannya, apa lagi isteri kepada seorang pemimpin diraja, pastinya akan dijatuhkan hukuman. Tetapi Yusuf tidak dihukum tetapi ditempatkan di sebuah penjara diraja. Tentunya ini adalah satu tkamu perlindungan daripada Tuhan.

Potifar juga mungkin mempunyai sedikit keraguan tentang kebenaran laporan isterinya. Tetapi di sebalik hal ini kita mengetahui bahawa Tuhanlah yang telah melindungi Yusuf dan membenarkannya untuk dibawa ke penjara diraja itu.

Pelajaran 23: Si Tukang Mimpi dan Raja

(Kejadian Jil. 2 bab 9)

Tema/ Gambaran Keseluruhan Cerita:

Firaun terganggu dengan dua mimpi dan tidak ada seorang pun daripada ahli sihirnya dan orang pkamuinya yang dapat mentafsirkan mimpi itu. Dia merasakan mimpi itu penting dan ingin mencari seorang pentafsir mimpi. Akhirnya, seseorang menyebut Yusuf dan Firaun memanggilnya untuk menghadapnya. Tuhan memberikan Yusuf kebijaksanaan bukan sahaja untuk mentafsir mimpi Firaun tetapi juga untuk mengetahui apa yang perlu dilakukan untuk menyelamatkan Mesir. Firaun melantik Yusuf sebagai Perdana Menterinya yang bertanggungjawab ke atas semua hal ehwal kerajaan.

Petikan Alkitab

Kejadian 41:1-46

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum – Kejadian 41:25-40

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 9.

Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Bahkan dalam keadaan-keadaan yang sukar, kita seharusnya terus meletakkan kepercayaan kita kepada Tuhan. Dia akan memberikan kita kebijaksanaan dan bimbingan untuk memimpin kita keluar daripada situasi-situasi yang sukar.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 9 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 9.

Ayat Hafalan

Takut akan TUHAN permulaan kebijaksanaan; pengertian yang sempurna ada pada semua yang mentaati perintah-perintah-Nya.

Mazmur 111:10

Pelajaran daripada Cerita

Tafsiran mimpi oleh Yusuf termakbul, tetapi dia masih perlu bersabar. Selepas 13 tahun perhambaan dan dipenjarakan, Yusuf dilantik menjadi menteri Firaun yang tertinggi.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

Pada pendapat kamu mengapakah Yusuf mengagumkan Firaun dengan sangat pantas? Yusuf telah menjadi seorang pekerja yang baik dalam semua situasi di mana dia diletakkan. Di rumah Potifar dia sangat mengagumkan tuannya sehingga dia dipertanggungjawabkan bagi semua perkara. Di penjara, Yusuf sekali lagi dipertanggungjawabkan ke atas hal-hal pentadbiran supaya pengawal penjara itu tidak perlu berasa risau akan apa-apa perkara. Apakah yang dapat kita pelajari daripada Yusuf daripada cerita ini?

Respon dan Doa

Berdoalah supaya Tuhan memberikan kita kebijaksanaan untuk berkenan kepada kehendak-Nya dan untuk menjalani kehidupan yang benar supaya orang lain akan melihat betapa baiknya Tuhan kita.

Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)

Kenali:



Peringkat 2 (umur 7-8)

Aktiviti 1: Akan ada tujuh tahun kelimpahan diikuti dengan tujuh tahun kelaparan.

Kejadian 41:28: Tuhan

Tindakan: kesabaran; kebijaksanaan

Peringkat 3 (umur 9-10)

Uji pengetahuan kamu:

1. B 2. S 3. S 4. B
5. S 6. B 7. B 8. B

Kuiz pantas:

- Untuk memberitahu maksud sesuatu
- Tujuh tahun kelimpahan
- Tujuh tahun kebuluran
- Kekurangan makanan yang berleluasa
- Tuhan memampukannya untuk mentafsirkan mimpi

Peringkat 4 (umur 11-12)

Aneka pilihan: 1. b 2. a 3. b 4. d


Kuiz Teka Silang Kata:

Melintang

- tujuh
- Potifera
- mimpi
- penjara
- gandum

Menegak

- kebuluran
- Nil
- Yusuf
- ahli sihir
- Firaun
- Tuhan
- Mesir



Jawapan untuk Kuiz Multimedia

- | | | | |
|----------|-----------------------|-----------|-----------------------|
| 1. B | Refer to Gen 41:1 | 7. Betul | Refer to Gen 41:29-32 |
| 2. E | Refer to Gen 41:2-7 | 8. Betul | Refer to Gen 41:45 |
| 3. D | Refer to Gen 41:27 | 9. Betul | Refer to Gen 41:45 |
| 4. D | Refer to Gen 41:46 | 10. Salah | |
| 5. Betul | Refer to Gen 41:40-43 | 11. A | Refer to Gen 41:51 |
| 6. Salah | Refer to Gen 41:16 | 12. Salah | Refer to Gen 41:55 |

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Mengapa Firaun menaikkan pangkat Yusuf menjadi Perdana Menteri dengan begitu cepat?

Ini bukanlah sebuah soalan yang mudah untuk dijawab. Tidak ada jawapan yang jelas bagi soalan ini. Kamu tidak seharusnya menggalakkan suatu anggapan yang berlebihan. Namun, beberapa fakta adalah tetap dan boleh dipertimbangkan untuk perbincangan dengan kanak-kanak yang lebih tua (11+).

Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:

- Potifar ialah seorang ketua pengawal diraja mungkin telah diuji.
- Pengawal penjara itu juga mungkin telah diuji.
- Lebih meyakinkan bahawa Firaun telah melihat kebijaksanaan yang dimiliki oleh Yusuf. Telah direkodkan dalam Alkitab bahawa Firaun berkata dalam Kej 41:38 "Bolehkah kita mencari orang seperti itu, yang dipenuhi kehadiran roh Allah?"

2. Apakah yang diberi oleh Firaun kepada Yusuf untuk menunjukkan restunya dan untuk memberi dia kuasa?

Firaun memberikan Yusuf sangat banyak hadiah dan barang-barang yang menunjukkan kekuasaan yang dianugerahkan kepadanya.

- Cincin.
- Memakainya jubah dari kain linen.
- Rantai emas di lehernya.
- Sebuah kereta kuda sebagai penguasa nombor dua di bawah raja.
- Orang-orang yang berteriak dan mengumumkan ketibaannya.
- Nama yang baru.
- Seorang isteri yang berdarah diraja.

3. Adakah Yusuf lupa pada bapa dan saudara-saudaranya? Apakah perasaan Yusuf terhadap mereka?

Jelas bahawa jawapannya ialah tidak.

Satu pembayang yang diberikan dalam cerita ini ialah nama yang diberikan oleh Yusuf kepada dua orang anaknya.

- Dia menamakan anaknya yang lebih tua Manashe kerana "Tuhan telah membuat aku lupa akan segala kesusahanku dan akan seisi rumah ayahku."
- Dia menamakan anak keduanya Efraim kerana "Tuhan telah mengurniakan anak kepadaku di negeri aku ditimpa kesusahan."

Pelajaran 24: Orang Tahanan menjadi Perdana Menteri

(Kejadian Jil. 2 bab 10)

Tema/ Gambaran Keseluruhan Cerita:

Sebagai Perdana Menteri, Yusuf dengan segera melakukan persiapan untuk Mesir bagi kebuluran yang akan tiba. Sementara itu, Yusuf berkahwin dan memiliki dua orang anak. Selepas tujuh tahun hasil tuaian yang berkelimpahan, tujuh tahun kebuluran bermula. Tidak ada makanan bukan hanya di Mesir tetapi juga di negara-negara sekitar, termasuk Kanaan. Tidak lama selepas itu kesemua adik-beradik, kecuali Benyamin, datang ke Mesir untuk membeli makanan untuk keluarga mereka. Yusuf mengenali mereka biarpun mereka tidak mengenalinya. Yusuf memutuskan untuk tidak mendedahkan dirinya kepada abang-abangnya sehingga mereka membuktikan bahawa mereka benar-benar menyesal dengan apa yang mereka telah lakukan kepadanya.

Petikan Alkitab

Kejadian 41:47 - 42:26

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum - Kejadian 41:14-28

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 10 - Orang Tahanan Menjadi Perdana Menteri.

Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Bantu kanak-kanak untuk memahami bahawa ketaatan dan kerja keras Yusuf telah membawa anugerah kepada Mesir. Ini membawakan kepadanya kepercayaan dan rasa hormat Firaun. Kemudiannya dia memerlukan pertolongan daripada Firaun untuk menyelesaikan masalah keluarganya di Mesir.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 10 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 10.

Ayat Hafalan

Segala penat lelah mendatangkan keuntungan, tetapi kata-kata kosong hanya mendatangkan kemiskinan.

Amsal 14:23

Pelajaran daripada Cerita

1. Yusuf bekerja keras bagi menyediakan Mesir untuk kebuluran. Mesir kini diberkati kerana Yusuf dan disedari oleh Firaun.
2. Abang-abangnya tidak menunjukkan apa-apa rasa penyesalan ketika mereka bertemu Yusuf. Yusuf memutuskan untuk tidak mendedahkan dirinya kepada mereka lagi tetapi memberikan mereka satu ujian terlebih dahulu.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

1. Apabila kita diminta untuk melakukan suatu tugas, apakah seharusnya sikap kita terhadap tugas kita itu?
2. Apakah yang kita lakukan ketika kita berhadapan dengan seseorang yang telah memperlakukan kita dengan jahat pada suatu masa yang lampau?

Respon dan Doa

Bantu kanak-kanak untuk berdoa bagi kekuatan dan ketahanan dalam masa-masa yang mencabar; untuk sentiasa setia kepada tugas yang Tuhan telah tetapkan untuk kita dan untuk berhasrat untuk menjadi sebuah berkat kepada orang lain.

Jawapan untuk Buku Kerja


Peringkat 1 (umur 5-6)

Kenali:

Yusuf bekerja keras dan menyimpan makanan yang cukup untuk Mesir.

Orang-orang dari negara lain datang ke Mesir untuk membeli makanan.


Yusuf bertemu abang-abangnya:



Peringkat 2 (umur 7-8)

Aktiviti 1: 1. membeli 2. mempercayai
3. tiga 4. Simeon

Aktiviti 2: Dua garisan haruslah pepenjuruan dan bersilang antara satu sama lain, seperti 'X'



Peringkat 3 (umur 9-10)

Aktiviti: 1. kebuluran 5. penterjemah
2. Yusuf 6. menangis
3. makanan 7. Kanaan
4. abang-abang 8. Bertaubat

Tindakan: Bekerja keras; memaafkan

Peringkat 4 (umur 11-12)

Mengenal pasti:

Kejadian 41:41-45 - Pengiktirafan
Kejadian 41:46-52 - Kelimpahan
Kejadian 41:53-57 - Waktu yang sukar
Kejadian 42:1-2 - Meminta bantuan
Kejadian 42:9 - Tuduhan
Kejadian 42:21-22 - Penyesalan dan ketidakupayaan
Kejadian 42:24-26 - Kasih saudara

Jawapan untuk Kuiz Multimedia

1. B Rujuk Kej 42:24
2. Salah Rujuk Kej 42:8
3. E Rujuk Kej 42:9
4. E

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Apakah perasaan abang-abang Yusuf itu apabila tiba-tiba dituduh melakukan sesuatu yang tidak dibuat oleh mereka?
 - Mungkin, telah terlintas di fikiran mereka bahawa mereka telah dihukum untuk apa yang mereka lakukan ketika menjual Yusuf kepada pedagang hamba bertahun-tahun yang lepas, memkamungkan dalam jawapan mereka, mereka secara spesifiknya menyebutkan nama adik mereka yang tidak lagi bersama mereka (Kej 42:13).
 - Saudara itu juga mungkin berasa takut ketika dituduh untuk sesuatu yang tidak benar terutamanya oleh seorang lelaki yang berkuasa seperti Yusuf.
 - Mungkin mereka juga risau jika mereka terlibat dalam kesusahan, mereka tidak akan dapat membawa makanan pulang untuk keluarga mereka yang terkesan akibat kebuluran itu.
2. Apa perasaan Yusuf apabila dia melihat abang-abangnya datang untuk membeli makanan daripadanya? Mengapa Yusuf tidak memperkenalkan dirinya kepada saudara-saudaranya dengan serta-merta?

Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:

 - Yusuf mungkin merasakan campuran keterujaan, rasa tidak percaya dan rasa marah. Rasa sakit mungkin telah kembali dan dia mungkin telah digoda untuk membalas dendam kepada abang-abangnya.
 - Walau bagaimanapun, Yusuf, sebagai seorang yang takut akan Tuhan, mungkin telah mula melihat bahawa semua ini adalah sebahagian daripada rancangan Tuhan untuk menyatukan dia kembali dengan keluarganya dan untuk menyelamatkan mereka daripada kebuluran.
 - Yusuf ingin memastikan bahawa abang-abangnya telah bertaubat, dan kerana mereka tidak menunjukkan apa-apa tkamu secara luaran, dia memutuskan untuk menguji mereka terlebih dahulu.

Pelajaran 25: Masalah Yakub

(Kejadian Jil. 2 bab 11)

Tema/ Gambaran Keseluruhan Cerita:

Yusuf menetapkan syarat bagi abang-abangnya. Dia mengambil Simeon sebagai tahanan dan meminta abang-abangnya untuk membawa semula adik mereka yang seorang lagi – Benyamin – sebelum dia melepaskan Simeon dan menjualkan kepada mereka lebih banyak makanan. Yakub tidak membenarkan Benyamin untuk ke sana. Di Kanaan, ketika Ruben, abang yang sulung berjanji bahawa dia akan memastikan keselamatan Benyamin, Yakub tidak mahu mempercayainya. Tetapi ketika Yehuda menawarkan untuk bertanggungjawab untuk keselamatan Benyamin, Yakub akhirnya bersetuju untuk membenarkan Benyamin pergi. Apabila Yusuf melihat Benyamin, dia dipenuhi dengan emosi tetapi masih tidak yakin jika dia boleh mempercayai abang-abangnya. Dia menguji mereka untuk melihat jika mereka benar-benar telah bertaubat bagi kejahatan yang mereka telah lakukan kepada Yusuf dan jika mereka telah mengubah cara mereka.

Petikan Alkitab

Kejadian 42:27 – 44:13

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum – Kejadian 43:1 - 9

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 11 – Dilema Yakub. Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Bantu kanak-kanak untuk belajar menjadi bertanggungjawab dan dapat diharapkan. Ruben berbicara tanpa berfikir terlebih dahulu, dan melakukan tawaran yang tidak masuk akal kepada bapanya Yakub. Kerana kata-kata yang terburu-buru dan rekod lepasnya, Yakub tidak mempercayainya. Tetapi ketika Yehuda mengambil tanggungjawab itu, Yakub sanggup untuk mempercayainya. Bantu kanak-kanak untuk memahami bahawa perkataan dan tindakan kita penting untuk kita dipercayai.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 11 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 11.

Ayat Hafalan

Diberkatilah orang yang tabah menghadapi cubaan. Apabila mereka berjaya menangani cubaan itu, mereka akan mendapat mahkota kehidupan yang telah dijanjikan Allah kepada orang yang mengasihi-Nya.
Yakobus 1:12

Pelajaran daripada Cerita

1. Yakub sedang berhadapan dengan dilema. Dia tidak mempercayai Ruben tetapi ketika Yehuda mengambil tanggungjawab itu dia menjadi lembut hati.
2. Yusuf menunjukkan kasih kepada Benyamin dan abang-abang tirinya, tetapi dia belum bersedia untuk mendedahkan dirinya lagi.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

Mengapakah tindakan Ruben menimbulkan kemarahan Yakub? Bilakah kita seperti Ruben dan bilakah kita seperti Yehuda?


Respon dan Doa

Bantu kanak-kanak untuk berdoa supaya mereka akan berbicara dan bertindak dengan bertanggungjawab supaya orang lain dapat mempercayai mereka.

Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)


Ketahui:



Nama adik Yusuf: BENYAMIN

Peringkat 2 (umur 7-8)

Aktiviti 1:




Aktiviti 2:

1. Ruben
2. Benyamin
3. Yehuda
4. Cawan perak

Peringkat 3 (umur 9-10)

Aktiviti 1: menjamin; menanggung; tinggal; pulang; ayah.

Membina kepercayaan:



Peringkat 4 (umur 11-12)

Siapa berkata apa?:

2	Kejadian 42:36	Yakub
8	Kejadian 43:27	Yusuf
10	Kejadian 44:9	Abang-abang Yusuf
3	Kejadian 42:37	Israel
5	Kejadian 43:8	Pengawas
7	Kejadian 43:23	Yehuda
4	Kejadian 42:38	Ruben
6	Kejadian 43:11	
9	Kejadian 43:29	
1	Kejadian 42:28	

Jawapan untuk Kuiz Multimedia

1. E Rujuk Kej 42:36 dan 38
2. Salah Rujuk Kej 42:38
3. Betul Rujuk Kej 43:11
4. E Rujuk Kej 44:2

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Mengapa Yakub sangat marah apabila adik-beradik itu memberitahu dia apa yang berlaku?

Dia mungkin kehilangan seorang anak lagi ketika dia telah kehilangan Yusuf.

2. Mengapa tindak balas Yakub terhadap Yehuda berlainan daripada Ruben?

- Ruben ialah abang yang paling tua tetapi telah mengecewakan bapanya dengan melakukan hubungan seksual dengan gundiknya.
- Bahkan di atas tilam tempat kematiannya pun, Yakub tidak dapat melupakan apa yang telah dilakukan oleh anaknya, Ruben. Baca Kejadian 49:1-4.
- Ruben tentunya tidak dapat memperoleh keyakinan daripada bapanya untuk membenarkan Yakub membiarkan dua daripada anaknya, iaitu cucu Yakub, untuk mati jika dia gagal dalam misinya. Bagaimanakah perkara ini dapat membantu Yakub terpujuk tentang kepimpinan Ruben.
- Yehuda tidak terus berbicara. Ketika dia berbicara, kebuluran telah pun semakin teruk dan Yakub memiliki masa yang lebih panjang untuk berfikir tentang kesukaran keluarga itu.
- Yehuda telah menunjukkan dia akan bertanggungjawab bagi keselamatan Benyamin. Perkara ini dan juga apa yang telah ditunjukkan oleh Yehuda sebelum ini telah menunjukkan bahawa dia lebih bertanggungjawab. Ini membuatkan Yakub berasa lebih baik tentang kepimpinan Yehuda.

3. Bagaimanakah perasaan adik-beradik itu pada masa itu? Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:

- Alkitab tidak memberitahu kita dengan tepat bagaimana perasaan mereka pada masa ini, tetapi daripada jalan cerita ini mereka semua pasti berada dalam keadaan yang murung.
- Daripada sikap yang mereka tunjukkan kepada bapa mereka dan kemudiannya kepada Yusuf kita dapat menyimpulkan bahawa mereka semua pastinya menganggap misi yang akan datang ini sebagai sesuatu yang sangat serius.
 - o Mereka menunjukkan rasa hormat yang besar kepada Yusuf ketika mereka berjumpa dengannya.
 - o Mereka semua menawarkan diri mereka untuk diambil sebagai hamba ketika cawan perak Yusuf ditemukan dalam karung Benyamin.

Pelajaran 26: Pertemuan dan Perdamaian Keluarga

(Kejadian Jil. 2 bab 12)

Tema/ Gambaran Keseluruhan Cerita:

Yusuf telah melakukan satu ujian ke atas abang-abangnya. Adakah mereka akan meninggalkan Benyamin dan melarikan diri untuk menyelamatkan diri mereka? Sejauh manakah mereka sanggup lakukan untuk menyelamatkan Benyamin? Ketika dia meletakkan mereka dalam ujian itu, mereka semua tidak mahu melarikan diri dan Yehuda menawarkan nyawanya dan kebebasannya sendiri untuk Benyamin. Yusuf yakin bahawa abang-abangnya telah bertaubat dan berubah, dan dia mendedahkan dirinya. Dia meminta abang-abangnya untuk membawa bapanya dan semua keluarga mereka ke Mesir di mana dia akan menyediakan bagi mereka.

Petikan Alkitab

Kejadian 44:14 – 46:7

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum – Kejadian 44:24-34

Aktiviti-aktiviti

Mainkan multimedia untuk Cerita 12 – Pertemuan dan Perdamaian Keluarga.

Cuba kesemua soalan kuiz aneka pilihan jawapan.

Untuk kanak-kanak yang lebih tua, jika masa mencukupi, cuba soalan-soalan lain dalam Perbincangan.

Objektif

Bantu kanak-kanak untuk belajar daripada cerita ini – iaitu untuk menerima pengampunan dan perdamaian, perlulah ada kesanggupan untuk mengakui dosa kita terlebih dahulu dan bertaubat untuk itu.

Persediaan

Berdoa untuk kebijaksanaan. Baca bab 12 dalam buku teks. Lihat multimedia interaktif untuk cerita 12.

Ayat Hafalan

Tetapi jika kita mengakui dosa kita kepada Allah, Dia akan menepati janji-Nya dan berlaku adil. Dia akan mengampunkan dosa kita dan menyucikan kita daripada segala kesalahan.
1 Yohanes 1:9

Pelajaran daripada Cerita

1. Adik-beradik itu tidak mahu meninggalkan Benyamin biarpun harus memberikan kebebasan mereka sendiri. Yusuf kemudiannya mendedahkan dirinya.
2. Yusuf mengetahui bahawa Tuhan telah menggunakan keadaan ini untuk menyelamatkan keluarganya daripada kebuluran dan membawa mereka bersama-sama semula untuk tujuan-Nya di Mesir.
3. Yakub sangat gembira ketika dia mendengar Yusuf masih hidup. Sebelum dia meninggalkan Kanaan dia mencari berkat Tuhan untuk pergi ke Mesir dan menerimanya. Dia mempersembahkan ucapan syukurnya dan menyembah Tuhan.

Kebenaran dan Aplikasi Alkitab

1. Apakah yang mungkin kita akan lakukan? Ketika kita telah melakukan kesalahan kepada orang lain dan kini mempunyai peluang untuk memperbetulkan semula keadaan, apakah tindakan kita .. biarpun jika peluang untuk memperbetulkan keadaan mungkin berisiko?
2. Mengapakah Yakub mencari berkat Tuhan sebelum meninggalkan Kanaan untuk pergi ke Mesir? Apakah yang diajarkan oleh perkara ini tentang mencari kehendak Tuhan bagi hidup kita ... biarpun ketika keadaan-keadaan yang berlaku seperti menuju kepada satu arah yang tertentu?
3. Kisah Yusuf ialah satu bayangan tentang apa yang Yesus lakukan bagi kita di Kalvari. Tuhan mengutuskan satu-satunya Anak-Nya untuk menderita dan mati untuk dosa kita supaya kita boleh diperdamaikan dengan Bapa dan menikmati berkat-berkat dalam menjadi anak Tuhan.

Respon dan Doa

Bantu kanak-kanak untuk belajar untuk mengakui dosa mereka kepada Tuhan dan meminta pengampunan daripada-Nya dalam nama Yesus. Dan kerana kita telah menerima pengampunan daripada Tuhan, kita perlu belajar untuk mengampuni orang lain.

Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)

Ketahui:



Yehuda memberi penjelasan kepada Yusuf



Yusuf berdamai dengan abang-abangnya



Keluarga Yusuf berpindah ke Mesir

Peringkat 2 (umur 7-8)

Aktiviti 1: 1. Benyamin 3. Gosyen
2. menyelamatkan 4. bangsa

Aktiviti 2: Urutan awan-awan dialog:

1. Yusuf memberitahu siapakah dia
2. Adik-beradik itu meminta maaf
3. Yakub mengembara daripada Kanaan ke Mesir
4. Yakub dan Yusuf bertemu semula
5. Yusuf membantu keluarganya untuk tinggal di Mesir

Tindakan: 1. mengampunkan 2. rancangan 3. memaafkan

Peringkat 3 (umur 9-10)

Kuiz Pantas: 1. memelihara, bangsa, menyelamatkan (Kej 45:7)
2. bergaduh (Kej 45:24)
3. korban (Kej 46:1)

Uji diri kamu: 1. S 2. B 3. S 4. S 5. B

Peringkat 4 (umur 11-12)

Sebuah Keraian: Panduan jawapan – bertemu semula/ dengan keluarganya/ dapat bertemu semula dengan bapanya/ abang-abangnya telah bertaubat/ rasa sakit hati kerana masa lalu telah disembuhkan, dan sebagainya

Alkitab berkata: "BERSABARLAH terhadap satu sama lain, MAAF-MEMAAFI, jika seseorang ada sesuatu aduan TERHADAP yang lain. Sebagaimana TUHAN telah mengampuni kamu, demikianlah kamu harus MENGAMPUNI sesama sendiri." KOLOSE 3:13

Jawapan untuk Kuiz Multimedia

1. C Rujuk Kej 44:18-34
2. C Rujuk Kej 45:1-3
3. Salah Rujuk Kej 44:12
4. E Rujuk Kej 46:29

Jawapan-jawapan untuk Soalan-soalan Perbincangan dalam Multimedia

1. Mengapa Yusuf menunggu sehingga Yehuda bercakap sebelum memperkenalkan dirinya kepada saudara-saudaranya?

Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:

- Yusuf ingin melihat jika abang-abangnya telah bertaubat bagi dosa mereka yang lepas.
- Biar pun kesemua mereka menawarkan untuk tinggal sebagai hamba kerana Benyamin, Yusuf ingin menguji mereka satu langkah lagi dengan menawarkan mereka kebebasan mereka. Hanya Benyamin yang perlu ditinggalkan.
- Ketika Yehuda menawarkan untuk tetap tinggal bagi menggantikan Benyamin, Yusuf berasa yakin bahawa abang-abangnya telah benar-benar bertaubat.

2. Mengapa Yakub mempersembahkan korban di Bersyeba, dalam perjalanannya ke Mesir?

Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:

- Ayat 1 kelihatan seperti menunjukkan bahawa Yakub menyedari bahawa keluarganya mempunyai sebuah panggilan. Hubungan perjanjian yang dimiliki oleh keluarganya dengan Tuhan Allah telah diturunkan kepadanya daripada bapanya, Ishak.
- Tindakannya dan firman Tuhan kepadanya, seperti yang direkodkan dalam Kej 46:1-4 kelihatan seperti membayangkan bahawa Yakub meminta kebenaran daripada Tuhan untuk berpindah ke Kanaan, Tanah yang Dijanjikan.
- Dia telah menjadi seorang yang percaya yang meletakkan kepercayaannya kepada Tuhan. Bahkan datuknya, Abraham juga tidak mempunyai rekod untuk berhenti dan meminta kebenaran Tuhan untuk meninggalkan Mesir ketika tanah Kanaan diserang kebuluran seperti yang direkodkan dalam Kej 12:10.

3. Apakah beberapa perkara yang difikirkan oleh Yakub apabila dia diberitahu bahawa Yusuf, anaknya masih hidup?

Perkara-perkara untuk dipertimbangkan:

- Pada awalnya dia 'tetap dingin'. Terdapat unsur tidak percaya pada awalnya (Kej 45:26-28). Tetapi ketika mereka memberitahunya apa yang dikatakan oleh Yusuf dan apa yang telah dihantarnya, perlahan-lahan semangatnya bangkit.
- Yakub lebih mengasihi Yusuf sejak awalnya seperti yang direkodkan dalam Kej 37 dan masih mengasihi Yusuf.
- Kini dia dapat melihat tangan Tuhan sedang bekerja dalam keluarganya.
- Ketika dia bertemu dengan Yusuf anaknya sehali lagi selepas kehilangannya selama 20 tahun, dia berkata kepadanya, "Kej 46:30 Sekarang biarlah aku mati, kerana aku telah melihat wajahmu dan tahu bahawa kamu masih hidup."^(AVB)
- Tidak salah sekiranya kita menyimpulkan bahawa dia pastinya sangat, sangat gembira dan memuji Tuhan.

Pelajaran 27: Penghujung Kejadian – Puak Menjadi Bangsa (Kejadian Jil. 2 bab 13)

Tema/ Gambaran Keseluruhan Cerita:

Anak-anak Israel/ Yakub tinggal di Gosyen, Mesir selama lebih 400 tahun. Mereka bertumbuh daripada hanya puak yang kecil kepada satu bangsa yang besar yang memiliki lebih kurang dua juta orang. Bab ini meringkaskan 50 bab dalam Kejadian kepada tiga aspek utama:

- a. Kejadian mengisahkan tentang cerita bagi banyak permulaan:
 - Penciptaan dunia dan manusia.
 - Dosa datang ke dunia.
 - Permulaan bangsa-bangsa dan satu bangsa khususnya Israel.
- b. Ia menunjukkan bagaimana Allah berhubung dengan manusia melalui hubungan perjanjian yang peribadi dan juga formal.
- c. Ia memberikan kita banyak bayangan tentang Yesus dan pekerjaan Yesus.

Petikan Alkitab

Kejadian 50

Pembacaan Umum

Cadangan pembacaan umum – Pilihan

Aktiviti-aktiviti

Baca Bab 13 dalam buku multimedia bersama-sama dengan kanak-kanak.

Objektif

Bantu kanak-kanak untuk melihat bahawa ketika dosa masuk ke dunia melalui ketidaktaatan Adam dan Hawa, dunia yang sempurna yang Tuhan telah ciptakan tidak lagi sempurna. Tidak ada lagi dalam ciptaan yang mampu membawa semula kesempurnaan ciptaan Tuhan. Tuhan perlu campur tangan melalui Anak-Nya Yesus Kristus. Beberapa watak utama yang kita lihat dalam Kejadian adalah seperti pendahulu Yesus Kristus. Mereka telah dipilih oleh Tuhan untuk menyelesaikan tugas-tugas tertentu pada waktu-waktu yang tertentu. Tetapi mereka tidak sempurna dan kerana itu tidak dapat membawa perdamaian yang kekal di antara Tuhan dan manusia. Ini hanya dapat dicapai oleh Yesus Kristus, Anak Tuhan yang sempurna.

Tuhan ialah Pencipta yang pengasih, yang menginginkan satu hubungan dengan manusia. Bantu kanak-kanak untuk memahami mesej Alkitab yang paling penting, yang hanya kita dapat dipulihkan dalam hubungan yang penuh kasih dengan Tuhan jika kita percaya dan menyerahkan kehidupan kita kepada Yesus. Kita perlu meminta-Nya untuk mengampuni dosa-dosa kita dan kita perlu meletakkan kepercayaan kita kepada-Nya sebagai Tuhan dalam hidup kita.

Respon dan Doa

Terdapat pelbagai cara untuk berbicara tentang topik penyelamatan peribadi dengan kanak-kanak yang muda. Kanak-kanak yang lebih matang yang mengatakan mereka bersedia boleh dibimbing dalam doa untuk meminta pengampunan bagi dosa-dosa mereka dan untuk memulakan sebuah hubungan peribadi dengan Yesus. Kanak-kanak yang lain boleh ditunjukkan bagaimana untuk berdoa bagi meminta pertolongan untuk mengetahui dan memahami lebih lagi tentang Yesus, terlebih dahulu. Tarik perhatian kanak-kanak untuk mengetahui bahawa mengikut Yesus ialah sebuah pilihan dan permulaan bagi sesuatu yang baru yang mereka akan terus lakukan. Sentiasa pastikan bahawa kanak-kanak memahami apa yang mereka putuskan untuk lakukan dan jangan memaksa mereka jika mereka tidak memberikan tindak balas.

Jawapan untuk Buku Kerja

Peringkat 1 (umur 5-6)

Lengkapkan gambar – apakah yang hilang?:

Gambar 1 – lukiskan epal/ buah yang hilang

Gambar 2 – lukiskan Ishak di mazbah

Tuhan Kita Bersifat Peribadi: Kanak-kanak mewarnakan huruf-huruf untuk mengejakan 'Adam', 'Yakub' dan 'Abraham'

Tindakan: 1. buah 2. domba 3. Yesus

Peringkat 2 (umur 7-8)

Tuhan Kita Bersifat Peribadi: Kanak-kanak mewarnakan huruf-huruf untuk mengejakan 'Adam', 'Yakub' dan 'Abraham'

Tuhan Mengutus Yesus: Guru – sediakan hadiah-hadiah kecil untuk kanak-kanak yang paling pantas mencari dan menuliskan ayat-ayat

Peringkat 3 (umur 9-10)

Lukiskan anak panah: Anak panah perlu dilukiskan dari Abraham kepada Ishak, dari Ishak kepada Yakub/ Israel, dan dari Yakub/ Israel kepada Yusuf/ bangsa Israel di Mesir.

Fikirkan tentangnya: Abraham

Peringkat 4 (umur 11-12)

Ulang kaji untuk Kejadian:

1. Adam dan Hawa
2. Abraham dan Ishak
3. Abraham, Lut, Nuh, Yakub dan Yusuf
4. Yakub dan Yusuf
5. Yusuf

Kaitan dengan Yesus:

Ayat yang sepadan – Roma 8:32, Mazmur 49:7

Fikirkan tentangnya: Abraham

Tidak ada Kuiz Multimedia atau Soalan-soalan Perbincangan untuk bahagian ini.

SAMPLE


Siri Penjelajah Visual Alkitab




Kejadian - Pada Mulanya




Musa dan Keluaran




Yosua dan Hakim-Hakim



Cerita Kehidupan Yesus



Kisah Rasul-Rasul Jilid 1



Kisah Rasul-Rasul Jilid 2



Raja-Raja dan Nabi-Nabi Israel